

BAB 3

TERAS 1 PERTUMBUHAN DINAMIK BANDAR DAN LUAR BANDAR

Kesinambungan pertumbuhan bandar dan luar bandar akan merangsang pembangunan ekonomi dan sosial yang lebih dinamik dan seimbang

Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar adalah satu teras yang penting bagi mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020 serta menjamin pertumbuhan yang berterusan sehingga tahun 2040. Teras ini akan memperkukuhkan peranan bandar sebagai pemangkin utama serta membantu dalam meningkatkan keupayaan dan daya saing kawasan luar bandar dalam pembangunan ekonomi negara.

Bandar adalah nadi pembangunan negara kerana mempunyai jumlah penduduk yang tinggi dan merupakan pusat tumpuan kegiatan ekonomi. Oleh itu, penekanan akan diberikan pada kawasan bandar bagi merangsang pertumbuhan ekonomi bandar yang dinamik.

Pembangunan luar bandar juga akan diberi tumpuan melalui penyediaan infrastruktur dan utiliti termasuk jalan, elektrik, air, kemudahan sosial, pendidikan dan kesihatan bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk dan prestasi ekonomi luar bandar. Kedua-dua strategi pembangunan tersebut bertujuan untuk memastikan keseimbangan pertumbuhan ekonomi dan merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar.

Selain itu, pembangunan infrastruktur dan utiliti serta pembangunan modal insan akan diutamakan di kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti. Pembangunan tersebut adalah penting kerana ia berperanan sebagai pemboleh (*enabler*) yang utama bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan kukuh pada masa hadapan.

Teras ini mempunyai tiga (3) hala tuju strategik dalam membentuk pertumbuhan dinamik bandar dan luar bandar



Menara Petronas

Pertumbuhan bandar yang seimbang, pembangunan luar bandar yang bersepadu dan hubungan dan akses yang dipertingkatkan adalah penting bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan berterusan

Teras Pertumbuhan Dinamik Bandar dan Luar Bandar mempunyai tiga (3) hala tuju strategik iaitu:

PD1: Pertumbuhan Bandar yang Seimbang

Memperkuhkan peranan bandar sebagai pemangkin utama bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara serta menggalakkan pembangunan di bandar sederhana dan kecil bagi memastikan pembangunan yang seimbang.

PD2: Pembangunan Luar Bandar yang Bersepadu

Menggalakkan pembangunan yang bersepadu di kawasan luar bandar bagi menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan keupayaan serta daya saing penduduk luar bandar.

PD3: Hubungan dan Akses yang Dipertingkatkan

Pembangunan jaringan pengangkutan dan perhubungan yang komprehensif bagi meningkatkan tahap kemudahsampaian dan mobiliti untuk menyokong pertumbuhan ekonomi.



Kotak 3.1 Sasaran Negara untuk Mencapai Status Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi pada Tahun 2020



Negara Maju (Wawasan 2020)


Wawasan 2020 diperkenalkan pada tahun 1991, mengandungi tiga (3) fasa pelaksanaan. Fasa terakhir dilancarkan pada tahun 2010 di bawah Model Baru Ekonomi (MBE) dengan memberi penekanan kepada meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui tiga (3) dimensi iaitu pendapatan yang tinggi, kemampunan dan keterangkuman (Inklusiviti) golongan berpendapatan 40 peratus terendah.

AS \$ 15,000
Pendapatan
per kapita
Negara

Negara Berpendapatan Tinggi (Rancangan Malaysia Kesebelas)

RMK-11 merupakan fasa terakhir pelan hala tuju pembangunan ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Rajah 3.1 Teras Pertumbuhan Bandar dan Luar Bandar



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Kotak 3.2 Pencapaian Negara dalam Konteks Daya Saing Global

1. Malaysia di tangga ke-18 daripada 140 negara di dalam Indeks Daya Saing Global 2015-2016 (Global Competitiveness Index 2015-2016)

Indeks Daya Saing Global adalah satu indikator yang komprehensif untuk mengukur asas mikroekonomi dan makroekonomi daya saing negara di peringkat antarabangsa.

2014-2015



2015-2016



2. Kuala Lumpur di tangga ke-47 daripada 84 bandar utama di dalam Indeks Bandar Raya Global 2015 (Global Cities Index 2015)

Indeks Bandar Raya Global adalah satu indikator yang menilai prestasi bandar dalam pertumbuhan ekonomi dan modal insan. Indeks Bandar Raya Global diukur berdasarkan lima (5) dimensi utama iaitu aktiviti perniagaan, modal insan, pertukaran maklumat, kebudayaan dan penglibatan politik.



Kedudukan ke 47
(Indeks Bandar Raya Global 2015)

PD1

Pertumbuhan Bandar yang Seimbang

Memperkuuhkan pertumbuhan dan pembangunan bandar bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan seimbang

Bandar merupakan enjin utama bagi merangsang pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan menjadi pusat tumpuan untuk pertumbuhan penduduk dan ekonomi. Ekonomi bandar seperti sektor perkhidmatan dan perindustrian merupakan penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Hala tuju strategik ini akan mempertingkatkan nilai tambah bagi sektor perkhidmatan dan perindustrian serta pembangunan pengetahuan intensif modal insan dapat mempertingkatkan daya saing ekonomi bandar.

Selain kawasan konurbasi dan koridor ekonomi utama, tumpuan pembangunan akan dilaksanakan di kawasan bandar sederhana dan kecil di mana bandar tersebut digalakkan berkembang mengikut potensi ekonomi sedia ada. Sehubungan dengan itu, beberapa kawasan pertumbuhan (*growth areas*) telah dikenal pasti bagi memastikan pertumbuhan yang lebih menyeluruh, kukuh dan dinamik di seluruh negara.



Bandaraya Melaka Bersejarah

Kotak 3.3 Definisi dan Peranan Bandar

A. Definisi bandar



Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih atau *kawasan pembangunan khusus atau pusat pentadbiran daerah sekiranya penduduk kurang daripada 10,000 orang.

*Kawasan pembangunan khusus merupakan kawasan pembangunan yang tidak diwartakan dan boleh dikenal pasti serta terpisah dari mana-mana kawasan tepu bina melebihi lima (5) km. Kawasan berkenaan mempunyai penduduk sekurang-kurangnya 10,000 orang dengan 60% daripada penduduknya berumur 15 tahun dan ke atas terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

1. Kawasan tepu bina ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60% penduduk (berumur 15 tahun atau lebih) terlibat dalam aktiviti bukan pertanian;
2. Kawasan petempatan dan kawasan komited yang telah diluluskan;
3. Kemudahan-kemudahan perbandaran disediakan; dan
4. Pusat pentadbiran daerah (sekiranya penduduk kurang daripada 10,000 orang).

Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua

B. Bandar menjadi pusat tumpuan untuk pertumbuhan penduduk dan ekonomi



Penduduk dalam bandar di Malaysia ialah 20.29 juta (71%) dari jumlah penduduk pada tahun 2010 dan dianggarkan akan meningkat kepada 27.3 juta (79.6%) pada tahun 2025.

Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua




Ekonomi bandar telah menyumbang lebih daripada 80% iaitu lebih daripada RM700 bilion dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2014.

Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015



Sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan adalah komponen utama dalam ekonomi bandar.



HALA TUJU STRATEGIK PD1 PERTUMBUHAN BANDAR YANG SEIMBANG

PD1.1 Memperkukuhkan Kawasan Pertumbuhan

PD1.2 Mempertingkatkan Daya Saing Bandar

PD1.3 Memperkukuhkan Sektor Perkhidmatan

PD1.4 Memperkukuhkan Kluster Perindustrian

PD1.5 Memperkukuhkan Pelabuhan Pintu Masuk dan Industri Logistik

PD1.6 Meningkatkan Pembangunan Modal Insan dan Pengetahuan Intensif

PD1.1: Memperkukuhkan Kawasan Pertumbuhan

Pertumbuhan dan pembangunan bandar akan ditumpukan dan diperluaskan daripada bandar besar seperti Bandaraya Kuala Lumpur, Bandaraya Johor Bahru dan Bandaraya George Town kepada lain-lain bandar utama termasuklah bandar sederhana dan kecil di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah. Tujuannya untuk memastikan pembangunan bandar yang dinamik serta merangsang pertumbuhan ekonomi bandar dengan mewujudkan peluang pelaburan dan perdagangan di seluruh negara. Teras ini diterapkan melalui hala tuju strategik yang memperkukuhkan kawasan pertumbuhan ini berdasarkan tiga (3) tindakan yang perlu dilaksanakan seperti berikut:

Tindakan PD1.1A

Mempergiatkan pembangunan perbandaran di kawasan pertumbuhan semasa

Kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti adalah kawasan Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan dan Pusat Katalis. Kawasan pertumbuhan merupakan hab pemangkin pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan dalam aktiviti perkhidmatan, perindustrian dan lain-lain ekonomi bandar. Pembangunan dan pelaburan akan diperluaskan dan ditumpukan di Zon Promosi Pembangunan dan Pusat Katalis bagi merangsang pertumbuhan. Peranan Konurbasi akan diperkukuhkan sebagai enjin utama dalam pembangunan negara. Tindakan ini adalah untuk mewujudkan pertumbuhan yang seimbang.

Jadual 3.1 Kawasan Pertumbuhan yang Dikenal Pasti

Konurbasi	Zon Promosi Pembangunan (ZPP)	Pusat Katalis	
6 Konurbasi - Empat (4) Konurbasi di Semenanjung Malaysia - Dua (2) Konurbasi di Sabah dan Sarawak	17 ZPP 12 ZPP di Semenanjung Malaysia - Lima (5) ZPP di Sabah dan Labuan	48 Pusat Katalis 37 Pusat Katalis di Semenanjung Malaysia 11 Pusat Katalis di Sabah dan Labuan	
1. Konurbasi Nasional (Lembah Klang termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan sebahagian daripada Selangor) 2. Konurbasi Selatan (Sekitar Johor Bahru termasuk Iskandar Puteri, Senai, Kulai, Skudai, Pasir Gudang, Tanjung Pelepas, Pontian, Kota Tinggi, Desaru dan Pengerang) 3. Konurbasi Utara (Pulau Pinang (Pulau) dan sebahagian Seberang Perai) 4. Konurbasi Timur (Sekitar Kuantan, Pekan dan Gambang) 5. Konurbasi Kota Kinabalu (Sekitar Bandaraya Kota Kinabalu, Tuaran, Putatan dan Papar) 6. Konurbasi Kuching (Sekitar Bandaraya Kuching)	1. Padang Besar-Lembah Chuping 2. Kangar-Arau-Kuala Perlis 3. Alor Setar-Jitra 4. Sungai Petani 5. Ipoh 6. Lumut-Sitiawan-Seri Manjung 7. Kota Bharu 8. Kuala Terengganu 9. Seremban-Nilai-Port Dickson (<i>Malaysia Vision Valley</i>) 10. Bandaraya Melaka Bersejarah 11. Bandar Maharani Bandar Diraja 12. Bandar Penggaram-Kluang <u>Sabah dan Labuan</u> 1. Keningau 2. Sandakan 3. Lahad Datu 4. Tawau 5. Labuan	1. Kaki Bukit-Wang Kelian 2. Beseri 3. Pauh Putra 4. Kuah 5. Bukit Kayu Hitam 6. Kulim 7. Parit Buntar 8. Kamunting-Taiping 9. Gerik 10. Lenggong 11. Teluk Intan 12. Tanjung Malim 13. Tumpat 14. Rantau Panjang 15. Tok Bali 16. Jeli 17. Machang 18. Gua Musang 19. Jerteh 20. Kerteh 21. Chukai 22. Jerantut 23. Bandar Tun Abdul Razak (Jengka) 24. Bentong 25. Bandar Muadzam Shah 26. Temerloh-Mentakab	27. Sungai Besar 28. Kuala Selangor 29. Kuala Kubu Bharu 30. Seri Jempol 31. Gemas 32. Tampin 33. Pulau Sebang 34. Kuala Linggi 35. Sungai Rambai 36. Segamat 37. Mersing <u>Sabah</u> 1. Kudat 2. Kota Belud 3. Kota Marudu 4. Ranau 5. Kimanis 6. Beaufort 7. Tenom 8. Sipitang 9. Kota Kinabatangan 10. Tongod 11. Semporna

Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Langkah-langkah yang akan memperkukuhkan peranan Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan dan Pusat Katalis adalah seperti berikut:

1. Konurbasi: Tumpuan adalah untuk memperkukuhkan dan mengekalkan pertumbuhan serta meningkatkan nilai tambah sektor ekonomi

- Inisiatif-inisiatif pembangunan dan pelaburan dalam sektor perkhidmatan, industri dan pelancongan bagi mengukuhkan prestasi ekonomi bandar;
- Rangkaian pengangkutan awam akan diperluaskan ke sekitar Konurbasi bagi memudahkan mobiliti penduduk;
- Penyediaan kemudahan inovatif teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan rangkaian perhubungan di antara kawasan Konurbasi akan dipertingkatkan untuk mengukuhkan rantai nilai ekonomi di peringkat wilayah; dan
- Inisiatif-inisiatif pembangunan dan perancangan bagi menggalakkan pembangunan semula di kawasan bandar lama bagi memenuhi permintaan tanah pembangunan dan mengurangkan tekanan reban bandar.

2. Zon Promosi Pembangunan (ZPP): Tumpuan adalah untuk menjana pertumbuhan

- Inisiatif-inisiatif pembangunan bagi meningkatkan prestasi ekonomi dan mewujudkan peluang baharu dalam sektor perkhidmatan, industri, pertanian dan pelancongan;
- Penyediaan kemudahan ICT, rangkaian perhubungan dan infrastruktur yang bersesuaian untuk merangsang pertumbuhan serta mempercepatkan integrasi dan pengaruh ZPP ke kawasan sekitarnya;
- Membangunkan sistem pengangkutan awam yang komprehensif di sekitar kawasan ZPP;
- Inisiatif-inisiatif pembangunan dan perancangan bagi menggalakkan pembangunan semula di kawasan bandar lama bagi menampung permintaan pembangunan; dan
- Menggalakkan kegunaan tanah secara ekonomi bagi memastikan corak guna tanah yang efisien, inklusif dan peka alam sekitar.


3. Pusat Katalis: Tumpuan adalah untuk menjana pertumbuhan

- Inisiatif-inisiatif pembangunan dalam sektor perkhidmatan, perindustrian, pertanian dan pelancongan bagi mewujudkan peluang baharu dalam pembangunan;
- Industri-industri berasaskan sumber, aktiviti pertanian, ekopelancongan dan aktiviti perkhidmatan yang berpotensi akan disokong dengan pelaburan infrastruktur awam untuk pembangunan tersebut;
- Penyediaan kemudahan ICT, rangkaian perhubungan dan infrastruktur yang bersesuaian untuk merangsang pertumbuhan dan mempercepatkan integrasi serta pengaruhnya ke kawasan sekitar;
- Penyediaan kemudahan awam akan dilaksanakan seiring dengan keperluan penduduk setempat; dan
- Pembangunan semula bandar akan menjadi pemangkin pertumbuhan kerana ia menghidupkan semula kawasan usang yang membolehkan pembangunan dan perkembangan aktiviti baharu.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
• Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan • Kerajaan Negeri	• Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) • Pihak Berkuasa Wilayah • Pihak Berkuasa Tempatan	• Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah • Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) • Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah • Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
• Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia		





Tindakan PD1.1B

Mempertingkatkan peranan koridor ekonomi wilayah terhadap pembangunan ekonomi wilayah

Penubuhan Koridor Ekonomi Wilayah, Malaysia telah berjaya menarik pelbagai pelaburan yang memanfaatkan penduduk setempat. Peranan Koridor Ekonomi Wilayah akan terus diperkukuhkan sebagai pemangkin utama dengan mempergiatkan pelaburan, pembangunan infrastruktur dan modal insan. Keadaan ini akan memastikan pengagihan peluang pembangunan bagi merealisasikan keseimbangan dalam pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal di Malaysia.


Malaysia mempunyai enam (6) Koridor Ekonomi Wilayah bagi menjana pertumbuhan yang seimbang dan meningkatkan taraf kehidupan penduduk iaitu:

1. Greater Kuala Lumpur;
2. Wilayah Pembangunan Koridor Ekonomi Utara (NCER);
3. Wilayah Pembangunan Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER);
4. Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia;
5. Koridor Pembangunan Sabah (SDC); dan
6. Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE).

Bagi memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi wilayah, langkah-langkah yang perlu diambil adalah seperti berikut:

1. Mempergiatkan pembangunan dan pelaburan dalam sektor utama yang telah dikenal pasti bagi menambah baik ekosistem ekonomi wilayah;
2. Melaksanakan inisiatif-inisiatif pembangunan, terutamanya pembangunan projek katalis, industri, pertanian dan pelancongan di lokasi-lokasi terpilih;
3. Memperkukuhkan rangkaian pengangkutan, infrastruktur ICT dan perkhidmatan bandar;
4. Mengenal pasti potensi dan memperkukuhkan kawasan industri khas, pertanian dan pelancongan untuk mempercepatkan integrasinya ke dalam ekonomi moden; dan
5. Mengintegrasikan Pelan Induk Koridor Pembangunan Wilayah dengan Rancangan Struktur Negeri/Pelan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan.

Kotak 3.4 Status Pencapaian Koridor-koridor Ekonomi Wilayah dalam Tempoh 2010-2014



**RM174.5
Bilion**

Jumlah Pelaburan bagi sektor utama dalam tempoh 2011-2014

Sumber: Rancangan Malaysia Ke-11, 2016-2020

427,100

Jumlah peluang pekerjaan diwujudkan dalam tempoh 2011-2014

Sumber: Rancangan Malaysia Ke-11, 2016-2020

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kerajaan Negeri	- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) - Pihak Berkuasa Tempatan	- Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) - Jabatan Ketua Menteri Sabah (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) - Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah - Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah - Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah
Agensi Melaksana		
Pihak Berkuasa Wilayah		

Rajah 3.4 Kawasan Koridor Ekonomi Wilayah



Wilayah Ekonomi	Kawasan Liputan	Sektor Utama	
Wilayah Pembangunan Ekonomi Koridor Utara (NCER)	Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan sebahagian daripada Utara Perak	- Pertanian - Pembuatan - Pelancongan - Logistik - Pendidikan dan modal insan	
Wilayah Pembangunan Ekonomi Koridor Pantai Timur (ECER)	Kelantan, Terengganu, Pahang dan Daerah Mersing, Johor	- Pembuatan - Minyak, gas dan petroleum - Pelancongan - Pertanian - Pembangunan modal insan	
Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia	Sekitar Johor Bahru termasuk Iskandar Puteri, Senai, Kulai, Skudai, Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas	- Elektrik dan elektronik - Makanan dan agro makanan - Logistik - Pelancongan - Pendidikan	- Kesihatan - Kreatif - Kewangan - Petroleum, minyak dan gas
Koridor Pembangunan Sabah (SDC)	Seluruh Sabah	- Pertanian - Pelancongan - Logistik - Pembuatan	- Minyak, gas dan tenaga - Pendidikan Tinggi - Kelapa sawit
Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)	Sebahagian daripada Sarawak	- Aluminium - Kaca - Besi - Kelapa sawit - Perikanan dan akuakultur	- Penternakan - Industri berasaskan kayu - Marin - Pelancongan
NKRA-Greater Kuala Lumpur	Lembah Klang termasuk Kuala Lumpur, Putrajaya, Cyberjaya dan sebahagian daripada Selangor	- Pelancongan - Pembangunan modal insan - Perdagangan dan kewangan - Pengangkutan awam	
Cadangan: Malaysia Vision Valley (MVV)	Seremban, Nilai dan Port Dickson	- Teknologi bersih (<i>clean technology</i>) - Perindustrian - Pendidikan - Pelancongan	

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, PEMANDU, NCER, ECER, ISKANDAR MALAYSIA, SCORE dan SDC, 2014

PD1.2: Mempertingkatkan Daya Saing Bandar

Bandar berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara. Jumlah dan kepadatan penduduk yang tinggi di kawasan bandar dapat menjana kegiatan ekonomi bandar terutamanya sektor perindustrian, perdagangan dan perkhidmatan dalam meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Bandar-bandar utama terutamanya Kuala Lumpur menghadapi persaingan global terutamanya aspek pelaburan dan kemahiran. Oleh itu, adalah perlu untuk mengenal pasti kekuatan ekonomi dan kelebihan setiap bandar bagi membangun, mempromosi, memperkukuhkan pertumbuhan dan pembangunannya pada masa depan.

Pelaburan yang bersesuaian dalam bandar adalah penting bagi memperkukuhkan kluster berasaskan pengetahuan untuk meningkatkan inovasi dan aglomerasi. Ianya hendaklah dilaksanakan bagi bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor Bahru, George Town, Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu. Selain itu, satu sistem petempatan berdasarkan peranan dan fungsi telah ditetapkan oleh Dasar Perbandaran Negara Kedua perlu diterapkan dalam strategi pembangunan bandar bagi meningkatkan pengurusan dan pembangunan bandar yang lebih berkesan. Keadaan ini akan mengukuhkan tahap daya saing bandar di peringkat tempatan dan global.

Tindakan PD1.2A

Memperkukuhkan tahap daya saing bandar di peringkat global

Bagi meningkatkan daya saing negara, bandar-bandar utama di Malaysia perlu diperkukuhkan dari segi kedudukan dan peranan agar bandar tersebut lebih berdaya saing di peringkat global. Bandar utama seperti Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor Bahru, George Town, Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu perlu merangka pelan induk persaingan masing-masing supaya selaras dengan aspirasi negara yang berdaya saing serta menggalakkan inovasi, pelaburan dan kepakaran di peringkat dunia. Indeks Daya Saing Bandar di peringkat global hendaklah dijadikan sasaran oleh bandar-bandar utama bagi mengukuhkan tahap daya saing bandar.

Rajah 3.5 Cadangan Senarai Indeks Daya Saing Bandar yang boleh Disasarkan oleh Bandar-bandar Utama di Malaysia

INDEKS BANDAR RAYA GLOBAL (GLOBAL CITIES INDEX)	GLOBAL POWER CITIES INDEX	BANDAR RAYA DUNIA (WORLD CLASS CITY)	LIVEABLE CITIES INDEX	SUSTAINABLE CITIES INDEX	BEST CITIES INDEX
Menilai prestasi bandar dalam pertumbuhan ekonomi dan modal insan	Menilai peranan dan perkhidmatan di sebuah bandar terhadap ekonomi global	Menganalisis kedudukan yang komprehensif daripada bandar-bandar utama dunia	Menilai prestasi bandar dalam menyediakan satu keadaan atau persekitaran hidup yang berkualiti	Menilai prestasi bandar dalam pertumbuhan ekonomi dan modal insan	Menilai kedudukan bandar seperti Liveable Cities Index dan mengambil kira aspek guna tanah

Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	- Unit Perancang Ekonomi - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Pihak Berkuasa Wilayah - Kerajaan Negeri	- Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah - Jabatan Ketua Menteri (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) - Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
Pihak Berkuasa Tempatan		

Tindakan PD1.2B

Mempertingkatkan fungsi petempatan

Hierarki petempatan adalah berdasarkan peranan dan fungsi sesebuah petempatan. Hierarki petempatan penting dalam mengoptimumkan peruntukan dan penyediaan perkhidmatan infrastruktur bandar yang berdaya saing serta berperanan untuk mencapai keseimbangan wilayah dan kesaksamaan pembangunan. Strategi perancangan dan pembangunan fizikal sesuatu bandar perlu berasaskan kekuatan, karakter dan nilai tempatan ini. Peluang untuk penduduk tempatan terlibat dalam memajukan dan mempromosikan nilai dan karakter unik sesuatu kawasan tersebut perlu dipertingkatkan agar ia dijadikan sebagai sumber yang menjana pertumbuhan ekonomi tempatan dan membentuk komuniti tempatan yang berdaya maju.

Oleh itu, bandar yang mempunyai karakter bandar khas perlu diberi peruntukan kemudahan infrastruktur dan inisiatif pembangunan yang bersesuaian bagi menjana pertumbuhan berdasarkan potensi ekonomi sedia ada. Terdapat tujuh (7) hierarki petempatan yang telah dikenal pasti dan diterjemahkan dalam Dasar Perbandaran Negara Kedua dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara, 2030.

Rajah 3.6 Senarai Hierarki Petempatan, fungsi dan ciri-ciri khas

7 HIERARKI PETEMPATAN		FUNGSI DAN CIRI-CIRI KHAS	
1. Bandar Global	6. Pekan	1. Bandar Sempadan	3. Bandar Berciri Khas (<i>Special Role Centre</i>)
2. Bandar Wilayah	7. Kampung	2. Bandar Pelancongan	• Bandar Aeropolis
3. Bandar Negeri		• Bandar Pesisiran Pantai	• Bandar Tentera
4. Bandar Utama		• Bandar Tanah Tinggi	• Bandar Berteknologi Tinggi/ICT
5. Bandar Tempatan		• Nature Based/Ecotourism	4. Bandar Perindustrian Khas
		• Bandar Bersejarah/ Warisan	5. Bandar Pelabuhan
		• Bandar Diraja	6. Bandar Pendidikan


Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara, 2030

Merujuk kepada hierarki dan fungsi bandar, pembangunan sesuatu bandar perlu mengambil kira dan menerapkan ciri-ciri dan keunikan semasa bandar sebagai kekuatan tersendiri dan seterusnya mengambil langkah mengukuhkan pertumbuhan bandar berteraskan ciri-ciri, keunikan dan fungsi tempatan tersebut.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan - Kementerian Wilayah Persekutuan	- Unit Perancang Ekonomi - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Pihak Berkuasa Wilayah	- Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah - Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
Pihak Berkuasa Tempatan		

Rajah 3.7 Hierarki Petempatan




Ciri-ciri Bandar Global

- | | | |
|--|---|--|
| 1 Pelbagai perkhidmatan kewangan antarabangsa, terutamanya dalam bidang kewangan, insurans, harta tanah, perbankan, perakaunan, dan pemasaran | 6 Lokasi membuat keputusan penting yang memberi impak kepada Negara dan dunia | 10 Peratusan penduduk yang tinggi bekerja dalam sektor-sektor perkhidmatan dan maklumat |
| 2 Ibu pejabat syarikat-syarikat multinasional | 7 Pusat idea-idea baru dan inovasi dalam perniagaan, ekonomi, budaya dan politik | 11 Institusi pendidikan yang berkualiti tinggi, termasuk universiti terkenal, kehadiran pelajar antarabangsa dan kemudahan penyelidikan |
| 3 Kewujudan ibu pejabat kewangan, bursa saham dan institusi kewangan utama | 8 Pusat media dan komunikasi untuk rangkaian global | 12 Infrastruktur pelbagai fungsi menawarkan beberapa kemudahan dan perkhidmatan undang-undang, perubatan dan hiburan yang terbaik di dalam negara |
| 4 Mendominasi perdagangan dan ekonomi kawasan sekitar yang menjangkau wilayah | 9 Pengaruh terhadap negara yang memberi kesan signifikan di peringkat antarabangsa | 13 Perhubungan laut dan udara antarabangsa yang meluas |
| 5 Pusat pembuatan utama dengan kemudahan pelabuhan | | |

Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030

Rajah 3.8 Klasifikasi dan Definisi Fungsi Bandar Khas



Sumber: Dasar Perbandaran Negara Kedua



Cyberjaya

Kotak 3.5 Contoh Model Pembangunan Berdasarkan Potensi Tempatan

Terdapat beberapa bandar, pekan dan petempatan yang telah berjaya menerapkan fungsi dan kekuatan tempatan sebagai pemangkin pembangunan.

1. Sekinchan

'Kampung yang sesuai untuk tanaman padi' atau dikenali sebagai Sekinchan di dalam Bahasa Cina merupakan petempatan yang kaya dengan hasil padinya. Penggunaan kaedah penanaman padi di Sekinchan adalah yang terbaik dan dapat menyokong penghasilan padi di Malaysia sekurang-kurangnya 10 tan metrik sehektar berbanding purata 4.54 tan metrik sehektar bagi kawasan jelapang padi lain.

Kesan positif daripada penanaman padi, Sekinchan turut dilihat semakin maju di dalam aspek pelancongan. Kawasan penginapan telah semakin banyak dimajukan terutamanya di sekitar kawasan tanaman padi. Antara produk pelancongan terkenal di Sekinchan adalah jeti pendaratan hasil laut yang bermutu dan segar, muzium padi, mangga Sekinchan, inap desa, keindahan panorama sawah padi, industri kecil sederhana (IKS) dan produk makanan laut. Kebanyakan produk pelancongan ini adalah hasil usaha masyarakat setempat sendiri.

Muzium Padi Sekinchan



Sekinchan Padi Box




Sawah Padi, Sekinchan

2. Lenggong

Lembah Lenggong di negeri Perak telah mendapat pengiktirafan sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 2012. Dikenali sebagai Warisan Arkeologi Lembah Lenggong, ianya mempunyai beberapa tapak arkeological penting yang terdiri daripada tapak jatuhnya meteorite, gua-gua dan tapak penemuan orang Perak (Perak Man).

Ciri unik tempatan ini telah menjadi asas rangka perancangan dan pembangunan bagi Lembah Lenggong sepertimana diterapkan dalam Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia Lembah Lenggong.



Rancangan
Kawasan Khas
Tapak Warisan
Dunia Lembah
Lenggong

Tapak Arkeologi Lenggong



Tasik Raban, Lenggong



Tindakan PD1.2C

Memperkukuhkan aglomerasi ekonomi dan mempertingkatkan hubungan rangkaian bandar

Pertumbuhan dan perhubungan yang kukuh antara bandar dapat membentuk aglomerasi ekonomi di mana bandar tersebut saling menyokong dalam aktiviti ekonomi dan sosial. Kelompok aktiviti-aktiviti ekonomi memudahkan perkongsian pengetahuan dan membuka peluang pekerjaan dalam pelbagai industri yang terdiri daripada perkhidmatan dan pembuatan.

Bandar dan pekan yang berhampiran akan mendapat manfaat daripada aglomerasi bandar kerana ia akan menggalakkan pertukaran pengetahuan dan perkhidmatan serta tenaga kerja. Pertumbuhannya memberi kesan kepada sektor perkhidmatan yang meliputi pelancongan, kesihatan, pendidikan, logistik, perindustrian dan pertanian. Keadaan ini akan menjana pembangunan ekonomi yang berimpak tinggi. Langkah-langkah bagi meningkatkan inovasi dan aglomerasi:

1. Meningkatkan densiti ekonomi bagi meningkatkan kecekapan dan mengoptimumkan penggunaan sumber;
2. Memperkukuh ketersambungan dan mengintegrasikan pembangunan infrastruktur bagi meningkatkan mobiliti di antara bandar;
3. Memperkukuh pembangunan berasaskan kluster ekonomi bagi menggalakkan pengelompokan industri dan bakat dalam bidang tertentu; dan
4. Mempergiatkan pelaburan bagi menambah baik infrastruktur dan membangunkan bakat serta kemahiran.



Aktiviti komersial di Bandaraya Kuala Lumpur

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan


Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
- Kerajaan Negeri - Kementerian Wilayah Persekutuan (Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan)	- Unit Perancang Ekonomi - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Pihak Berkuasa Wilayah	- Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah - Jabatan Ketua Menteri Sabah (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
Pihak Berkuasa Tempatan		

PD1.3: Memperkukuhkan Sektor Perkhidmatan

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, sektor perkhidmatan telah menyumbang sebanyak 53.5% daripada jumlah pengeluaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2014. Di samping itu, sektor perkhidmatan mencatatkan sebanyak 8.1 juta pekerja iaitu 58.63% dalam jumlah pekerja pada tahun 2014. Sektor perkhidmatan dijangka akan terus menjadi penyumbang utama dalam pembangunan ekonomi negara pada masa depan. Sektor ini dijangka akan menyumbang lebih daripada 60% dalam jumlah KDNK menjelang tahun 2040.


Kotak 3.6 Prestasi Sektor Perkhidmatan

A. Prestasi sektor perkhidmatan pada tahun 2014



Menyumbang 53.5% daripada jumlah pengeluaran KDNK pada tahun 2014

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014




Mencatat 58.6% (8.1 juta pekerja) dalam jumlah pekerja pada tahun 2014

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014

B. Jangkaan prestasi sektor perkhidmatan dalam jumlah pengeluaran KDNK negara pada masa depan (Tahun 2014-2040)

Sumbangan sektor perkhidmatan dalam KDNK dijangka akan meningkat daripada 53.5% pada tahun 2010 kepada 61% pada tahun 2040 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.7%.



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015



Aktiviti komersial di Bandaraya Kuala Lumpur

Tindakan PD1.3A

Menceburi sektor perkhidmatan moden

Sektor perkhidmatan meliputi pelbagai aktiviti termasuk utiliti, perdagangan borong dan runcit, restoran, penginapan, pengangkutan, komunikasi, kewangan, insurans, harta tanah, perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan kerajaan serta perkhidmatan lain. Sektor ekonomi dunia pada masa kini sedang beralih kepada aktiviti nilai tambah tinggi dan berpengetahuan intensif. Keadaan ini telah mendorong peralihan sektor perkhidmatan kepada perkhidmatan moden seperti e-dagang, industri kreatif dan kewangan, perniagaan dan perkhidmatan profesional.

1. e-dagang

Perkembangan pesat teknologi melalui komunikasi tanpa wayar, telefon mudah alih dan aplikasi dijangka akan mengubah landskap perkhidmatan tradisional sedia ada. Keadaan ini telah mendorong perkembangan aktiviti peruncitan dalam talian melalui e-dagang. Peralihan ini bakal mengubah gaya hidup masyarakat serta penggunaan ruang bandar. Kemudahan sokongan logistik untuk e-dagang seperti kemudahan gudang, jaringan pengangkutan yang baik dan kemudahan ICT akan dibangunkan di kawasan pertumbuhan bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti peruncitan dalam talian (*e-commerce*).

Kemudahan tersebut juga menawarkan perkhidmatan gudang, pemprosesan dan penghantaran pesanan bagi menyokong aktiviti peruncitan dalam talian. Pembangunan perkhidmatan logistik bandar akan diberi keutamaan untuk melancarkan pengedaran barangan yang dibeli dalam talian serta menambah baik kemudahan pengedaran. Keadaan ini akan menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk mengguna pakai kemudahan perkhidmatan dalam talian, mengakses pasaran yang lebih luas dan seterusnya mengembangkan operasi perniagaan.

Kotak 3.7 e-dagang

- Takrifan e-dagang adalah sebarang transaksi perdagangan yang dijalankan menerusi rangkaian elektronik termasuklah aktiviti pemberian maklumat, promosi, pemasaran, pembekalan atau penghantaran barangan dan perkhidmatan, meskipun pembayaran dan penghantaran berkaitan transaksi ini dijalankan di luar talian.
- Antara perniagaan e-dagang yang berjaya adalah seperti Amazon, eBay dan Alibaba.
- Kejayaan perniagaan ini disebabkan oleh kehadiran sistem urus niaga dalam talian yang dikendalikan oleh bank-bank dan syarikat-syarikat pembayaran internet seperti Paypal dan Webcash.



2. Industri Kreatif

Bandar dan pekan perlu dirancang untuk menampung pelbagai jenis perkhidmatan moden termasuklah industri kreatif. Industri kreatif menggabungkan spektrum perkhidmatan yang luas serta tertumpu kepada seni dan bakat manusia dalam pelbagai bentuk. Kemudahan untuk menyokong industri kreatif adalah seperti penyediaan dewan pameran, bazar perdagangan dan pasaran bagi pertukaran barangan, perkhidmatan dan kemahiran kepada pasaran yang lebih luas. Pertumbuhan perkhidmatan tersebut akan diberi keutamaan dalam perancangan bandar dan pelaburan swasta bagi menjana pertumbuhan industri kreatif di kawasan pertumbuhan.

Kotak 3.8 Pinewood Iskandar Malaysia Studios



11,300 PEKERJAAN

Jumlah pekerjaan yang dapat ditawarkan oleh Pinewood Iskandar Malaysia Studios antara tahun 2013 hingga tahun 2020.

Sumber: <http://iskandarmalaysia.com.my/news-20141116-6/>

- Pinewood Iskandar Malaysia Studios merupakan sebuah kemudahan studio penerbitan media bersepadu di Iskandar Malaysia yang dibangunkan melalui persetujuan strategik dengan Kerajaan Malaysia melalui Khazanah Nasional Berhad.
- Kluster kreatif di Iskandar Malaysia yang pada mulanya hanya menumpukan pada aktiviti pembangunan perisian multimedia secara kecil-kecilan berkembang selepas pembukaan Pinewood Iskandar Malaysia Studios.
- Antara kemudahan yang disediakan oleh Pinewood Iskandar Malaysia Studios termasuk:
 - 100,000 kaki persegi pentas penggambaran (dari 15,000 hingga 30,000 kaki persegi)
 - 24,000 kaki persegi studio televisyen
 - Perkhidmatan yang berbagai untuk pasca penerbitan
 - Bengkel dan ruang pejabat untuk kerja-kerja penerbitan
 - Kawasan untuk penggambaran luaran dengan 30 ekar hutan semula jadi
 - Tangki penggambaran air dalaman dan luaran
- Kini Pinewood Iskandar Malaysia Studios bukan sahaja tertumpu kepada kemudahan penggambaran malahan keseluruhan ekosistem daripada perkhidmatan jurusolek, pakaian untuk penggambaran dan sebagainya.

3. Kewangan, Perniagaan dan Perkhidmatan Profesional

Perkhidmatan lain seperti kewangan, insurans, perkhidmatan perniagaan dan profesional perlu melalui proses pemodenan yang pesat bagi mewujudkan pasaran yang lebih meluas dan bernilai tinggi. Keadaan ini dapat menyumbang kepada ekonomi bandar dan guna tenaga bandar. Oleh itu, penyediaan sebuah persekitaran dan kemudahan yang mempunyai perkhidmatan yang berkualiti serta bangunan pejabat yang kondusif akan diberi keutamaan bagi merangsang pertumbuhan sektor ini di kawasan pertumbuhan. Peningkatan dan naik taraf kemudahan infrastruktur komunikasi dan ICT perlu diberi penekanan sebagai pemboleh (*enabler*) pembangunan.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi - Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	- Jabatan Ketua Menteri (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) - Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)
Agensi Melaksana		
- Kerajaan Negeri - Pihak Berkuasa Wilayah		

Tindakan PD1.3B

Meningkatkan aktiviti nilai tambah bagi sektor pelancongan

Sektor pelancongan akan dipertingkatkan agar lebih berdaya maju bagi memastikan sektor ini sebagai salah satu penyumbang ekonomi utama bagi negara. Sektor pelancongan akan dibangunkan melalui pengagihan faedah sosioekonomi secara saksama terutamanya pewujudan pekerjaan yang stabil, peluang untuk memperoleh pendapatan dan perkhidmatan sosial untuk komuniti serta ke arah pembasmian kemiskinan di kawasan pertumbuhan.

Kotak 3.9 Prestasi Sektor Pelancongan

Dengan 27 juta ketibaan pelancong, sektor pelancongan menyumbang sebanyak 15% kepada jumlah KDNK negara pada tahun 2014

27 Juta

Ketibaan pelancong, 2014

RM161 Bilion

iaitu 15% sumbangan kepada jumlah KDNK negara pada tahun 2014

RM72 Bilion

Pendapatan diperoleh daripada sektor pelancongan, 2014



Sumber: Tourism Malaysia, 2014 dan World Travel and Tourism Council, 2015



Kawasan pelancongan utama di Bandaraya Melaka Bersejarah

Pembangunan produk-produk pelancongan berasaskan potensi lokasi dan sumber tempatan sedia ada bagi memaksimumkan faedah ekonomi dan sosial. Langkah-langkah yang perlu diambil kira adalah seperti yang berikut:

1. Membangunkan produk-produk pelancongan mengikut potensi lokasi masing-masing dilaksanakan melalui:
 - Peningkatan pembangunan pelancongan kesihatan, kesejahteraan, sukan dan acara di kawasan pertumbuhan yang mempunyai ketersediaan kemudahan sokongan infrastruktur;
 - Peningkatan pelancongan perubatan di sekitar kawasan Konurbasi dengan mempertingkatkan tahap kemudahan dan perkhidmatan kesihatan di hospital dan pusat kesihatan sedia ada;
 - Peningkatan pembangunan pelancongan pendidikan melalui pembangunan pusat-pusat institusi pengajian tinggi di sekitar kawasan Konurbasi dan Zon Promosi Pembangunan. Kawasan tersebut akan dibangunkan untuk mewujudkan persekitaran kondusif bagi perkembangan para penuntut dan dilengkapi dengan kemudahan yang bersesuaian;
 - Pengukuhan kepentingan negara sebagai destinasi Mesyuarat, Insentif, Seminar dan Pameran (MICE) dan disokong dengan pembangunan infrastruktur yang bersesuaian di sekitar kawasan Konurbasi dan Zon Promosi Pembangunan;
 - Pembangunan sumber dan produk pelancongan kepelbagaian budaya dan warisan sejarah secara mampan, pemeliharaan dan promosi efektif di bandar-bandar warisan dan tapak warisan;
 - Pembangunan ekopelancongan berasaskan alam semula jadi secara mampan dan dipromosikan di kawasan yang mempunyai keistimewaan semula jadi; dan
 - Peningkatan pusat membeli-belah di bandar utama, bandar sempadan dan zon bebas cukai bagi memaksimumkan faedah ekonomi dari kemasukan pelancong.
2. Memantapkan transformasi industri pelancongan daripada produktiviti yang tinggi kepada penghasilan yang tinggi dalam menggalakkan perniagaan yang berdaya saing dan inovatif serta meningkatkan sasaran pemasaran bagi sektor pelancongan khusus;
3. Membangunkan dan menggalakkan kluster pelancongan yang dinamik untuk memudahkan hubungan dan perkongsian serta mewujudkan persaingan di kalangan industri pelancongan berdasarkan kreativiti dan inovasi;
4. Meningkatkan daya saing industri pelancongan Malaysia dalam pembangunan produk pelancongan dan perkhidmatan yang berkualiti; dan
5. Menyediakan infrastruktur dan kemudahan pelancongan yang bersesuaian serta mampan di lokasi pelancongan bagi mempertingkatkan tahap penyelesaian pelancong dan kecekapan dalam perkhidmatan.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan


Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
• Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia	• Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia • Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	• Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah • Jabatan Ketua Menteri Sabah (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) • Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah • Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) • Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
• Kerajaan Negeri • Pihak Berkuasa Wilayah • Pihak Berkuasa Tempatan		

PD1.4: Memperkukuhkan Kluster Perindustrian

Sektor pembuatan merupakan salah satu penjana ekonomi utama yang meningkatkan peluang pekerjaan dan memberi sumbangan tinggi dalam KDNK negara. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, produk elektrik dan elektronik, kelengkapan pengangkutan dan produk petroleum menyumbang lebih daripada 50% dalam jumlah pelaburan di sektor pembuatan pada tahun 2014. Menjelang tahun 2040, sektor ini dijangka akan menyumbang sebanyak 27% daripada jumlah pengeluaran KDNK negara.

Kotak 3.10 Prestasi Sektor Pembuatan

A. Prestasi sektor pembuatan pada tahun 2014



Menyumbang 22.9% daripada jumlah pengeluaran KDNK pada tahun 2014

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014



Mencatat 17.1% (2.4 juta pekerja) dalam jumlah pekerja pada tahun 2014

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014

B. Jangkaan prestasi sektor pembuatan dalam jumlah pengeluaran KDNK negara pada masa depan (Tahun 2014- 2040)

Sumbangan sektor pembuatan dalam KDNK dijangka akan meningkatkan daripada 24.6% pada tahun 2010 kepada 27% pada tahun 2040 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.1%.



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015



Kawasan perindustrian di Lembah Klang

Tindakan PD1.4A

Menggalakkan pembangunan kluster perindustrian utama

Kawasan perindustrian lebih cenderung dibina berhampiran kawasan bandar dan pelabuhan. Lokasi industri berhampiran kawasan bandar akan mengukuhkan lagi pertumbuhan dari masa ke semasa dan menggalakkan pembangunan kelompok industri.

Terdapat banyak kelompok industri yang telah berkembang terutamanya aktiviti makanan dan minuman, tekstil dan pakaian, kertas dan percetakan, bahan kimia, getah dan plastik, logam asas dan fabrikasi, produk mineral bukan logam, barangan elektrik dan elektronik (E&E), jentera dan peralatan, perabot, pengangkutan dan industri-industri lain.

Pembangunan kluster perindustrian seperti industri kimia, E&E, mesin dan peralatan akan diberikan tumpuan utama kerana industri-industri tersebut merupakan industri penting yang memberi sumbangan signifikan kepada jumlah pengeluaran nilai tambah. Pengelompokan aktiviti industri bagi industri kimia, E&E, mesin dan peralatan akan diperkukuhkan dengan menambah baik rantai nilai tambah dan merangsang pertumbuhan industri sokongan yang lain terutamanya di kawasan pertumbuhan.

Rajah 3.9 Pembangunan Kluster Perindustrian Utama




Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015




Kawasan perindustrian di Pasir Gudang

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	- Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah - Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah - Jabatan Ketua Menteri Sabah (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) - Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
- Kerajaan Negeri - Pihak Berkuasa Wilayah - Pihak Berkuasa Tempatan		



Rajah 3.10 ESTET PERINDUSTRIAN UTAMA



Tindakan PD1.4B

Menaik taraf persekitaran dan infrastruktur fizikal kawasan industri sedia ada

Kawasan-kawasan perindustrian sedia ada memainkan peranan penting dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk dalam kawasan pertumbuhan, kawasan bandar/pinggir bandar dan juga kawasan luar bandar. Kebanyakan kawasan industri sedia ada telah lama dibina dan memerlukan langkah-langkah menaik taraf dan meningkatkan kualiti persekitaran dan infrastruktur. Langkah menaik taraf berikut perlu diterapkan kepada kawasan industri sedia ada bagi menjadikannya sebagai taman perindustrian moden seiring dengan peralihan dan transformasi proses aktiviti industri:

1. Menaik taraf persekitaran fizikal dari segi landskap, imej serta kemudahan yang berkaitan bagi kawasan industri;
2. Menaik taraf infrastruktur dan utiliti bagi menyediakan perkhidmatan yang memenuhi keperluan industri moden termasuk ICT dan komunikasi;
3. Meningkatkan standard alam sekitar dari segi pelupusan sampah dan efluen bagi menjadikan kawasan industri sedia ada sebagai kawasan industri hijau (*green industrial area*); dan
4. Memperluaskan mekanisme pengurusan khusus (*managed industrial park*) bagi setiap kawasan industri.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	- Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah - Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah - Jabatan Ketua Menteri Sabah (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) - Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
- Kerajaan Negeri - Pihak Berkuasa Wilayah - Pihak Berkuasa Tempatan		

Kotak 3.11 Insentif Pengurusan Kawasan Perindustrian



Pakej insentif baru ini adalah untuk memastikan bahawa taman industri di Malaysia diuruskan dengan lebih baik. Insentif ini menawarkan 100% pengecualian cukai ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun bermula dari tarikh syarikat memulakan aktivitinya.

Perkhidmatan yang tertakluk dalam insentif ini adalah berikut:

- Mengekalkan dan membaiki pulih bangunan (contoh: bumbung, struktur, elektrik, air, pembetulan, HVAC, pengesanan kebocoran dan telekomunikasi);
- Keselamatan dan kakitangan (contoh: pengawal keselamatan, akses letak kereta dan CCTV);
- Perkhidmatan Perundingan yang berkaitan (contoh: urusan sewa-menyewa dan khidmat nasihat khusus kepada reka bentuk/perancangan bangunan/loji);
- Penyewaan kemudahan (contoh: pergudangan dan tempat letak kereta);
- Penyewaan premis / asrama untuk pekerja kilang;
- Pengangkutan (contoh: Pengangkutan untuk pekerja kilang);
- Pengurusan alam sekitar (contoh: pencemaran udara, air sisa, rawatan air dan pencemaran bunyi);
- Pembinaan sokongan infrastruktur utama (contoh: pencawang elektrik dan kolam takungan air);
- Perkhidmatan jaga rumah / cucian;
- Infrastruktur IT (contoh: pusat operasi rangkaian, IT rangkaian infrastruktur, pusat keselamatan rangkaian dan pengkomputeran makmal latihan);
- Kawasan rekreasi untuk penyewa dan perkerja; dan
- Mana-mana kemudahan yang bersesuaian yang dikehendaki oleh penyewa.

Kotak 3.12 Contoh Taman Perindustrian yang Terurus (Managed Industrial Park)

Managed Industrial Park merupakan satu taman perindustrian yang mempunyai satu pertubuhan atau badan yang bertanggungjawab untuk menguruskan perkara yang berkaitan dalam sebuah taman perindustrian. Di Malaysia, contoh dua (2) taman perindustrian yang terurus adalah:

1. Taman perindustrian Teknologi Tinggi Kulim (KHTP-Kulim Hi-Tech Park)

Taman perindustrian Teknologi Tinggi Kulim merupakan salah satu taman perindustrian bersepadu yang terbaik dibangunkan dan diuruskan di Malaysia dan antara yang terbaik di Asia Pasifik. KHTP adalah Taman Perindustrian Teknologi Tinggi bersepadu yang pertama di Malaysia. Ia dimajukan dengan kerjasama Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kedah.

Bagi menguruskan KHTP dengan lebih berkesan, Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-tech Kulim (PBT TPHTK) secara rasminya ditubuhkan pada 1 April 1995 dibawah Seksyen 7, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Struktur organisasi PBT TPHTK berdasarkan "Modified Local Authority Model". Fungsi utama PBT TPHTK ditubuhkan adalah untuk:

- Menyemak, meluluskan pelan-pelan bangunan, perancangan, mengenakan bayaran penyediaan pelan, mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki, lesen dan permit berkaitan.
- Penyelenggaraan keseluruhan kawasan TPHTK termasuk kerja-kerja kutipan sampah, pemotongan rumput, pembersihan jalan dan parit, lampu jalan, lampu isyarat, loji pembersihan, longkang dan lain-lain.
- Pengawasan dan penguatkuasaan akta-akta dan undang-undang kecil.
- Mengendali segala urusan cukai harta bagi kawasan di dalam PBT TPHTK.
- Mengawasi keselamatan dan penyelenggara kemudahan-kemudahan awam seperti pusat komuniti, kompleks sukan, perhentian kenderaan awam dan sebagainya.



KULIM HI-TECH PARK
The Science City of the Future



Sumber: <http://www.khtp.com.my/>

2. Southern Industrial and Logistics Cluster (SiLC) Nusajaya

Southern Industrial and Logistics Cluster (SiLC) Nusajaya dijangka akan menjadi sebuah taman perindustrian yang bersih, hijau dan diuruskan dengan lebih terancang bagi memenuhi permintaan semasa untuk pembangunan alam sekitar yang mampan. Taman perindustrian ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan nilai rantai bersepadu dalam tiga (3) bidang utama iaitu teknologi yang maju (*advanced technologies*), pemakanan dan Kesihatan dan Logistik. SiLC menawarkan perkhidmatan seperti taman sains dan R&D, pusat perniagaan, pusat latihan, pengawasan CCTV, rumah pengawal di pintu masuk utama dan pusat pemeriksaan keselamatan, kediaman komuniti dan perumahan pekerja.

SiLC juga menyediakan Pusat Sehati Sokongan Pelanggan bagi memudahkan pelbagai proses yang terlibat dalam penubuhan dan operasi seperti lesen perniagaan dan kelulusan pelan bangunan; pengurusan pekerja seperti visa, permit kerja dan perumahan serta menyediakan pusat perkerja bagi urusan seperti pengambilan, latihan dan lain-lain sokongan yang berkaitan.

SiLC
NUSAJAYA

All The Right Business Reasons



Tindakan PD1.4C

Menggalakkan perancangan kawasan perindustrian baharu yang bersepadu

Perancangan kawasan perindustrian perlu mengambil kira teknologi baharu hasil inovasi dan penyelidikan serta permintaan pasaran dunia. Perubahan tersebut akan mengubah corak pemprosesan dan operasi sektor pembuatan. Pembangunan dan perancangan kawasan perindustrian hendaklah mengambil kira trend global dan implikasi yang berpotensi mengubah corak pembangunan perindustrian Malaysia. Dengan itu, penyediaan infrastruktur dan utiliti serta kemudahan yang mampan, berteknologi tinggi dan mesra alam perlu disediakan di kawasan perindustrian baharu bagi menampung perubahan corak pembangunan dan transformasi seperti:

1. Pengalihan pengilangan kompleks (*complex manufacturing*) kepada kejuruteraan pesat dan teknik pengilangan maju (*advanced manufacturing techniques*);
2. Inovasi dan teknologi baharu;
3. Pembuatan mampan dan ekonomi *circular* (*sustainable manufacturing and circular economy*); dan
4. Proses pengilangan berasaskan tenaga pekerja berkemahiran tinggi (*human-centric manufacturing*).


Selain itu, perancangan Taman Eko-perindustrian (*EIP: Eco-Industrial Park*) akan digalakkan dalam perancangan kawasan perindustrian baharu. Taman Eko-perindustrian merupakan sebuah taman perindustrian yang menggalakkan kerjasama perniagaan antara syarikat perindustrian dan masyarakat tempatan dalam usaha untuk mengurangkan pencemaran dan meningkatkan kecekapan perkongsian sumber seperti maklumat, bahan mentah, air, tenaga, infrastruktur dan sumber semula jadi. Usaha ini bertujuan untuk mencapai pembangunan mampan, menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kualiti alam sekitar. Taman Eko-perindustrian memerlukan perancangan taman perindustrian yang mengutamakan pengurusan alam sekitar, menggalakkan pembangunan industri yang mempunyai nilai rantai tinggi dan pembangunan teknologi yang berasaskan industri hijau dan bersih (*green and clean industry*).

Kotak 3.13 Taman Eko-Perindustrian Kalundborg, Denmark

- Terkenal dengan sistem ekonomi *circular* dan dikenali sebagai *Kalundborg Symbiosis*.
- *Kalundborg Symbiosis* ditakrifkan sebagai sebuah simbiosis industri yang mengadakan kerjasama tempatan di mana syarikat-syarikat awam dan swasta membeli dan menjual produk sisa daripada masyarakat tempatan untuk diproses semula. Industri ini mempunyai potensi besar untuk kelestarian dan kecekapan tenaga di Kalundborg.
- Komponen-komponen ekosistem termasuk perkongsian sisa kepada tenaga antara industri dalam ekosistem yang terhasil kepada ekonomi dan alam sekitar.

Sumber: www.symbiosis.dk/en/system

Ekosistem Perindustrian di Kalundborg



Sumber: <http://www.colorado.edu>

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	- Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	- Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah - Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah - Jabatan Ketua Menteri (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) - Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
- Kerajaan Negeri - Pihak Berkuasa Wilayah - Pihak Berkuasa Tempatan		

PD1.5: Memperkukuhkan Pelabuhan Pintu Masuk dan Industri Logistik

Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan (2015), mensasarkan Malaysia menjadi pintu gerbang pilihan logistik di Asia dan seterusnya memperbaiki kedudukan dalam Indeks Pencapaian Logistik Bank Dunia daripada tangga ke-25 pada tahun 2014 ke tangga ke-10 teratas menjelang tahun 2020. Industri logistik merupakan tulang belakang kepada rantai pembekalan dan dianggap sebagai faktor utama untuk merangsang perdagangan, memudahkan perniagaan dan memacu pertumbuhan ekonomi. Sehubungan dengan itu, kecekapan pengurusan, pergerakan barangan dan perkhidmatan di antara kluster industri serta pelabuhan pintu masuk merupakan faktor penentu utama bagi mempertingkatkan prestasi sektor logistik.

Pelabuhan Pintu Masuk (*Port of Entry*) yang terdiri daripada lapangan terbang, pelabuhan laut dan darat bukan sahaja berperanan sebagai hab pengangkutan barangan tetapi juga berperanan sebagai pemangkin pembangunan dan pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah bandar. Pelabuhan Pintu Masuk akan menggalakkan aglomerasi bagi aktiviti industri dan perkhidmatan yang berhampiran dengan pelabuhan. Ini termasuklah lapangan terbang, pelabuhan laut dan pelabuhan darat yang akan membolehkan pertumbuhan industri logistik dan pelancongan di bandar tersebut. Keadaan ini dapat menjana peluang pelaburan, pekerjaan dan infrastruktur bagi merangsang pertumbuhan yang dinamik dan kukuh di kawasan bandar. Integrasi di antara kluster industri dan Pelabuhan Pintu Masuk akan ditingkatkan dengan menambah baik jaringan perhubungan dan infrastruktur. Pelabuhan Pintu Masuk memerlukan sokongan daripada industri tempatan bagi mengukuhkan prestasi lapangan terbang dan pelabuhan laut di peringkat global.

Kotak 3.14 Prestasi Sektor Logistik

Malaysia berada di kedudukan ke-25 dalam Indeks Pencapaian Logistik Bank Dunia pada tahun 2014

Kedudukan Pelabuhan dan Lapangan Terbang Malaysia di Peringkat Global



**KEDUDUKAN PELABUHAN
DUNIA 2014**
(World Port Ranking 2014)

20 TERATAS

Trafik Kontena:
12- Pelabuhan Klang
18- Pelabuhan Tanjung Pelepas

Sumber: World Shipping Council, 2014



**KEDUDUKAN LAPANGAN TERBANG
DUNIA 2014**
(World Airport Ranking 2014)

30 TERATAS

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA):
20- Trafik Penumpang
28- Jumlah Kargo

Sumber: Airports Council International (ACI), 2014


Kotak 3.15 Pelan Induk Logistik Dan Fasilitasi Perdagangan (2015)


Pelan Induk Logistik dan fasilitasi perdagangan bertujuan untuk menggariskan strategi bagi meningkatkan kecekapan pengangkutan dan mekanisme kemudahan perdagangan, meningkatkan produktiviti industri logistik fret (*Freight*) secara keseluruhan dan menghubungkan industri dengan pasaran dengan lebih baik sama ada tempatan dan antarabangsa.

Pelan Induk akan disokong dengan dasar, strategi dan pelan tindakan seperti berikut:

Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia, 2015

	2015 - 2016	2020 dan ke atas
Pelan tindakan	Menghurai halangan dalam industri - MOT sebagai peneraju sektor logistik - Menambah baik jalan ke Pelabuhan Klang - Menambah baik kapasiti Terminal Padang Besar - Mempertingkatkan kelancaran proses import/eksport dengan menitik beratkan isu keselamatan - Mengawal selia dan memantau pembangunan gudang dan off-dock depot - Menambah baik produktiviti kenderaan berat - Menyelaraskan proses dan prosedur berkaitan perlesenan dan kargo udara - Mewujudkan Program Data Fret (<i>Freight</i>) kebangsaan - Meningkatkan kualiti pemandu kenderaan barangan - Mengkaji semula peraturan Malaysia International Shipping Register (MISR)	Merangsang Perkembangan Ekonomi Domestik - Mewujudkan model <i>hub and spoke</i> kargo udara: - Membangunkan KLIA sebagai hab kargo udara - Membangunkan Port Klang sebagai Pusat Maritim - Membangunkan Cargo Village - Meningkatkan keupayaan pembekal perkhidmatan logistik - Meningkatkan pematuan peraturan rakan dagangan - Membangunkan hab kargo - Menggunakan konsep <i>Public Private Partnership (PPP)</i> untuk perkhidmatan kereta Api dan infrastruktur
		Memperkukuh Kedudukan di rantau Asia - Memanfaatkan potensi e-dagang - Menyediakan perkhidmatan sokongan untuk logistik hijau - Meliberasaskan sektor perkhidmatan logistik - Menggalakkan pembangunan perkhidmatan logistik bandar - Menggalakkan R&D bagi inovasi rantai bekalan - Meningkatkan penggabungan dengan rantai bekalan sedunia





Tindakan PD1.5A

Mempertingkatkan peranan lapangan terbang

Perancangan dan pembangunan perlu menyokong dan mempertingkatkan peranan lapangan terbang sebagai pemangkin utama dalam memperkukuh ekonomi bandar di kawasan pertumbuhan. Langkah-langkah yang perlu diambil kira adalah seperti berikut:

1. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)

KLIA sebagai pintu masuk utama antarabangsa dan berperanan sebagai hab penerbangan, aeropolis dan logistik di samping menjadi enjin pertumbuhan bagi sektor pelancongan. Pembangunan KLIA Aeropolis merangkumi kargo dan logistik, pusat perniagaan, industri aerongkasa, MICE, percutian dan perkhidmatan sokongan;

2. Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang (LTSAAS)

LTSAAS sebagai pusat penyelenggaraan, pusat helikopter, penerbangan am (*general aviation*), pusat latihan aerongkasa, pusat teknologi aerongkasa dan kemudahan sokongan komersial;

3. Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching

Dijadikan sebagai hab utama dalam memberi perkhidmatan untuk keperluan perindustrian, perdagangan dan pelancongan di peringkat wilayah dan tempatan;

4. Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi

Dijadikan sebagai pintu masuk utama pelancongan dan menyokong peranan Pulau Langkawi sebagai lokasi utama untuk pameran, konvensyen dan pelancongan;

5. Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai

Dijadikan sebagai hab kargo utama bagi Wilayah Selatan dan menyokong fungsi Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Langsat;

6. Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan Lapangan Terbang Sultan Haji Ahmad Shah

Dijadikan sebagai pintu masuk pelancongan yang memberi perkhidmatan untuk keperluan perindustrian, perdagangan dan pelancongan bagi Wilayah Pantai Timur;

7. Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Lapangan Terbang Labuan dan Lapangan Terbang Melaka

Dibangunkan sebagai hab utama dalam memberi perkhidmatan untuk keperluan perdagangan dan pelancongan di peringkat negeri; dan

8. Cadangan lapangan terbang baharu

Membangunkan lapangan terbang yang baharu bagi menampung permintaan di Wilayah Utara pada masa depan dan mematuhi dasar-dasar yang diguna pakai oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Pengangkutan Malaysia	- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) - Pihak Berkuasa Wilayah	- Kementerian Pengangkutan Malaysia - Malaysia Airport Berhad - Jabatan Ketua Menteri (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)
Agensi Melaksana		
Malaysia Airport Berhad		

Tindakan PD1.5B

Mempertingkatkan peranan pelabuhan laut

Perancangan dan pembangunan pelabuhan laut perlu berkait dan menyokong aktiviti ekonomi bandar terutamanya sektor logistik dan perindustrian. Pembangunan pelabuhan laut boleh dijadikan pelengkap dan pemangkin bagi mempertingkatkan pertumbuhan dinamik di kawasan pertumbuhan. Pelabuhan laut perlu dinaikkan taraf untuk menyediakan perkhidmatan pergerakan barangan yang efisien serta berfungsi sebagai hab multimodalism dan intermodalism. Langkah-langkah yang perlu diambil kira untuk mengukuhkan peranan pelabuhan laut adalah seperti berikut:

1. Pelabuhan Klang

Dijadikan sebagai pelabuhan laut serantau yang menyediakan perkhidmatan *land-bridging* ke negara-negara Asia. Ia merupakan pelabuhan utama negara dan perlu dikekalkan sebagai pusat pemunggahan negara bagi pergerakan kargo antarabangsa;

2. Pelabuhan Tanjung Pelepas

Dijadikan sebagai hab pemindahan kontena antarabangsa dan wilayah bagi rantau Asia Pasifik;

3. Pelabuhan Kuantan

Pelabuhan Kuantan sebagai pelabuhan utama bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan rantau Asia Timur;

4. Pelabuhan Pulau Pinang

Dijadikan sebagai pelabuhan yang memberi tumpuan kepada perkapalan intra Asia dan berfungsi sebagai pelabuhan utama bagi Wilayah Utara;

5. Pelabuhan Kemaman

Dijadikan sebagai pelabuhan perindustrian dan mempunyai fungsi khusus untuk memenuhi sektor minyak gas dan petrokimia;

6. Pelabuhan Pasir Gudang dan Pelabuhan Tanjung Langsat

Pelabuhan Pasir Gudang dijadikan sebagai pelabuhan kargo am dan kargo pukal bagi Wilayah Selatan. Pelabuhan Tanjung Langsat dijadikan sebagai pelabuhan pengkhususan utama di Asia Tenggara;

7. Pelabuhan-pelabuhan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan

Dijadikan sebagai pelabuhan perindustrian yang menyokong sektor minyak dan gas, petrokimia dan kluster perindustrian kelapa sawit serta hab penghantaran barang bagi rantau BIMP-EAGA dan Asia; dan


8. Cadangan pelabuhan / terminal baharu

Cadangan pelabuhan / terminal baharu perlu merujuk kepada *National Port Strategy* yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi dan dasar-dasar yang diguna pakai oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan


Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Pengangkutan Malaysia	- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Unit Perancang Ekonomi (EPU) - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) - Pihak Berkuasa Wilayah	- Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah - Jabatan Ketua Menteri (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) - Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah - Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)
Agensi Melaksana		
Pihak Berkuasa Pelabuhan		

Rajah 3.14 Kedudukan Pelabuhan Malaysia dalam Laluan Perdagangan Timur-Barat



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Rajah 3.15 BIMP-EAGA Rangkaian Roll on / Roll off



Sumber: BIMP-EAGA, 2012

Tindakan PD1.5C

Mempertingkatkan peranan pelabuhan darat

Pelabuhan darat memainkan peranan penting dalam memberi sokongan kepada aktiviti logistik dan perindustrian. Pelabuhan darat berfungsi sebagai hab pengangkutan utama kereta api dan hab logistik kepada aktiviti seperti perindustrian, pengangkutan, penghantaran dan pelabuhan.

Terminal pelabuhan darat hendaklah dinaik taraf dengan menyediakan kawasan kontena yang lebih luas untuk mewujudkan ruang penyimpanan tambahan, menyediakan ruang untuk memunggah kontena dan menambah kekerapan dan daya saing bagi perkhidmatan kereta api. Ketersambungan peringkat akhir di antara pelabuhan darat dengan pelabuhan laut dan lapangan terbang melalui jaringan jalan raya dan landasan kereta api akan ditambah baik bagi memudahkan pengilang menghantar barangan dan menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan. Langkah-langkah yang perlu diambil kira adalah seperti berikut:

1. Pelabuhan darat Padang Besar

Dibangunkan sebagai pusat konsolidasi pengangkutan kereta api wilayah bagi mengembangkan kapasiti pengendalian kontena dan menarik aliran jumlah kontena dari selatan Thailand dan lain-lain lokasi ASEAN;

2. Pelabuhan darat Ipoh dan Prai

Dibangunkan sebagai hab pemunggahan barangan bagi menyokong perkhidmatan logistik di Wilayah Utara;

3. Pelabuhan darat Setia Jaya dan Nilai

Dibangunkan sebagai hab pemunggahan dan penghantaran barang bagi menyokong perkhidmatan logistik kepada Pelabuhan Klang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Subang (LTSAAS);

4. Pelabuhan darat Segamat dan Pasir Gudang

Dibangunkan sebagai hab pemunggahan dan penghantaran barang bagi menyokong perkhidmatan logistik kepada Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pasir Gudang, Pelabuhan Tanjung Langsat dan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai; dan

5. Cadangan pelabuhan darat baharu

Membangunkan pelabuhan darat yang baharu bagi menyokong perkhidmatan logistik di Wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia serta di bahagian Utara negeri Kedah pada masa depan. Cadangan baharu perlu merujuk kepada Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi dan dasar-dasar yang diguna pakai oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan

Agensi Memantau	Agensi Sokongan
Kementerian Pengangkutan Malaysia	- Unit Perancang Ekonomi (EPU) - Keretapi Tanah Melayu Berhad - Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) - Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
Agensi Melaksana	
- Kerajaan Negeri - Pihak Berkuasa Wilayah	

Tindakan PD1.5D

Mempertingkatkan logistik dan pengurusan rantai bekalan

Memperkuh ketersambungan peringkat akhir kepada pelabuhan pintu masuk serta meningkatkan prestasi logistik dan pengurusan rantai bekalan. Tindakan ini dapat dilaksanakan melalui:

- Menambah baik ketersambungan peringkat akhir ke pelabuhan laut, pelabuhan darat dan lapangan terbang dengan melaksanakan projek pembangunan seperti:**
 - Membina laluan kereta api pintasan Serendah-Pelabuhan Klang-Seremban bagi menambah baik tahap kecekapan aktiviti logistik dan penghantaran barangan;
 - Menaik taraf laluan kereta api daripada Pelabuhan Pasir Gudang ke Pelabuhan Tanjung Pelepas bagi menyokong aktiviti perindustrian dan logistik di Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia; dan
 - Memastikan pergerakan lancar barangan dan perkhidmatan dari bandar ke luar bandar melalui pembangunan jaringan perhubungan yang komprehensif.
- Meningkatkan kapasiti dan keupayaan infrastruktur fret (*freight*) pelabuhan laut, pelabuhan darat dan lapangan terbang dalam pengendalian kargo:**
 - Mengenal pasti lokasi yang sesuai sebagai hab logistik yang berdekatan dengan lapangan terbang, pelabuhan dengan jalan raya yang baik atau sambungan kereta api.
- Memperkuh kemudahan logistik e-dagang:**
 - Mengguna pakai teknologi dalam rantai logistik melalui pembangunan platform jualan atas talian dan infrastruktur logistik sokongan untuk e-dagang;
 - Membangunkan pusat *fulfilment* di lokasi yang strategik untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti peruncitan dalam talian. Pusat *fulfilment* adalah sebuah pusat yang menawarkan perkhidmatan pergudangan, pemprosesan pesanan dan penghantaran menyediakan platform bagi penyumberan luar perkhidmatan kepada peruncitan dalam talian; dan
 - Pembangunan perkhidmatan logistik bandar akan diberikan keutamaan untuk menambah baik pengurusan kenderaan, membangunkan kemudahan pengedaran berkonsepkan hab dan jejari serta perkhidmatan logistik waktu malam.

Contoh Pusat *Fulfilment* yang diuruskan oleh *Amazon.com, Inc.*



Sumber: <https://www.amazon.com>

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Pengangkutan Malaysia	- Unit Perancang Ekonomi (EPU) - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan - Pihak Berkuasa Tempatan	- Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah - Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah - Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah - Jabatan Ketua Menteri (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah)
Agensi Melaksana		
- Kerajaan Negeri - Pihak Berkuasa Wilayah		

PD1.6: Meningkatkan Pembangunan Modal Insan dan Pengetahuan Intensif


Pembangunan modal insan yang meliputi faktor penduduk bekerja, penyertaan tenaga buruh, pekerja mahir, pendidikan dan latihan merupakan aspek yang penting sebagai penggerak utama dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara. Selain daripada meningkatkan hubungan antara negara-negara, globalisasi telah menyumbang kepada aliran tenaga buruh, idea dan perkhidmatan. Transformasi ekonomi yang berlaku di peringkat global dan di Malaysia telah menggalakkan peralihan sektor ekonomi kepada rantai nilai yang lebih tinggi dan meningkatkan permintaan terhadap tenaga buruh yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi.

Hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 amat memerlukan modal insan yang berpengetahuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang dinamik. Pada tahun 2040, Malaysia dijangka memerlukan tenaga buruh yang berkemahiran dan berpengetahuan sebanyak 92% daripada jumlah keseluruhan tenaga buruh negara. Ini juga termasuk tenaga buruh yang berkemahiran tinggi dan separa mahir bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan berterusan.

Keperluan terhadap modal insan yang berkemahiran dan berpengetahuan tinggi adalah selari dengan Model Baru Ekonomi (MBE) dan hala tuju pembangunan semasa negara. Pelabur hari ini bukan sahaja mempertimbangkan faktor kos operasi tetapi juga melihat kepada keupayaan dan kemahiran pekerja dalam memacu operasi perniagaan mereka. Justeru itu, pembangunan modal insan adalah perlu bagi menambah baik kecekapan pasaran buruh dan meningkatkan kapasiti melalui penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang mencukupi.

Kotak 3.16 Jangkaan Permintaan Guna Tenaga Mengikut Kategori Kemahiran, 2010-2040

Pada tahun 2040, Malaysia dijangka memerlukan tenaga buruh yang berkemahiran dan berpengetahuan sebanyak 90% daripada jumlah keseluruhan tenaga buruh negara. Tenaga buruh yang berkemahiran dan berpengetahuan terdiri daripada tenaga buruh yang berkemahiran tinggi, mahir dan separa mahir.



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Tindakan PD1.6A

Membangunkan masyarakat yang mahir dan berpengetahuan


Negara yang berdaya saing dan maju memerlukan masyarakat yang berpengetahuan dan berkemahiran. Justeru itu, pengagihan seimbang tenaga buruh yang berkemahiran dan berpengetahuan di peringkat negara perlu bagi menjamin pertumbuhan ekonomi wilayah yang seimbang. Pembangunan modal insan akan dipertingkatkan melalui koridor ekonomi wilayah sedia ada bagi mengatasi ketidakseimbangan nisbah pekerja berpengetahuan di peringkat negeri dan wilayah. Langkah-langkah yang akan diambil kira bagi memastikan pengagihan dan nisbah pekerja berpengetahuan yang seimbang adalah seperti berikut:

1. Menyediakan kemudahan dan institusi pendidikan terutamanya institusi pengajian tinggi, pusat latihan kemahiran dan kolej di sekitar Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan dan Pusat Katalis;
2. Membangunkan hab pendidikan dalam koridor ekonomi wilayah untuk menarik pelaburan swasta dalam sektor pendidikan serta meningkatkan peluang untuk mendapatkan kemudahan pendidikan tinggi dan latihan kemahiran. Usaha Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia untuk membangunkan hab pendidikan seperti EduCity di Iskandar Puteri harus digalakkan di lain-lain Koridor Ekonomi Wilayah;
3. Pembinaan institusi pendidikan, pusat latihan kemahiran dan kolej yang dapat menyumbang terhadap pertumbuhan ekonomi tempatan menerusi penyediaan khusus dan program yang relevan dengan kegiatan ekonomi tempatan;
4. Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi menerusi pelaburan dalam aktiviti pengetahuan intensif dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian; dan
5. Memperluaskan kemudahan ICT dan jaringan perhubungan di kawasan luar bandar bagi merapatkan jurang informasi dan kemahiran di antara bandar dan luar bandar. Nisbah pekerja berkemahiran akan meningkat dan seterusnya menggalakkan mobiliti pekerja melalui penyediaan sistem sokongan seperti penyebaran maklumat, pengangkutan dan penempatan.


Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
- Kementerian Pendidikan Malaysia - Kementerian Pendidikan Tinggi - Kementerian Sumber Manusia	- Jabatan Tenaga Manusia - Pembangunan Sumber Manusia Berhad - Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	- Jabatan Ketua Menteri - Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Sabah
Agensi Melaksana		
- Kementerian Pendidikan Malaysia - Kementerian Pendidikan Tinggi - Kementerian Sumber Manusia		

Rajah 3.16 Nisbah Pekerja Berpengetahuan kepada Jumlah Tenaga Buruh dalam Daerah pada Tahun 2010



Rajah 3.17 Nisbah Pekerja Berpengetahuan kepada Jumlah Tenaga Buruh dalam Daerah pada Tahun 2020, 2030 dan 2040



Tindakan PD1.6B

Mewujudkan pusat penyelidikan dan inovasi

Bagi meningkatkan daya saing pasaran buruh, Malaysia perlu meningkatkan pelaburannya dalam bidang pendidikan, sains dan teknologi. Pelaburan dalam modal insan akan memberi kesan positif kepada produktiviti, kecekapan tenaga kerja dan meningkatkan peluang pekerjaan. Keadaan ini dapat menggalakkan kerjasama Institut Pengajian Tinggi dengan industri yang boleh membawa kepada pembangunan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pusat-pusat inovasi di kawasan Konurbasi. Contohnya di kawasan perindustrian, universiti terkemuka di sekitarnya digalakkan menjadi peneraju dalam menubuhkan institusi R&D bagi membolehkan mereka meneroka ciptaan dan inovasi yang baharu. Langkah-langkah yang harus diambil kira untuk tindakan ini adalah seperti berikut:

1. Membangunkan modal insan mahir dan berbakat untuk meningkatkan produktiviti, daya saing, inovasi teknologi serta mewujudkan satu ekosistem yang mesra pengetahuan;
2. Menubuhkan sebuah pusat inovasi dan pusat R&D di setiap Konurbasi dan Zon Promosi Pembangunan; dan
3. Mengukuhkan kerjasama di antara industri dengan institusi pengajian tinggi bagi menyediakan program R&D yang selaras dengan keperluan industri dan pasaran.

Rajah 3.18 Taburan Universiti



Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Pendidikan Tinggi	- Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI) - Kementerian Sumber Manusia	- Jabatan Ketua Menteri - Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Sabah
Agensi Melaksana		
Kementerian Pendidikan Tinggi		


Tindakan PD1.6C

Memperkuatkan kemudahan latihan vokasional dan perindustrian

Dengan memberi galakan dan insentif kepada sektor swasta, latihan vokasional dapat diperluaskan di sekitar Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan, Pusat Katalis serta kawasan luar bandar. Keadaan ini dapat menggalakkan mobiliti pekerja melalui penyediaan sistem sokongan seperti penyebaran maklumat dan pengangkutan. Peningkatan kemahiran tenaga kerja akan menambahkan nilai produk dan perkhidmatan di negara ini serta menggalakkan produktiviti dan gaji yang lebih tinggi. Inisiatif ini melibatkan penggunaan ICT secara meluas untuk mengumpul, menganalisis, menyebarkan pengetahuan dan maklumat. Penggunaan ICT memberi kelebihan dari segi kecekapan kos yang efektif dan produktiviti yang lebih ketara kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Penyediaan pekerja dengan peralatan dan maklumat yang tepat akan membolehkan syarikat-syarikat memupuk minda yang lebih berdaya saing, lebih mudah suai dan lebih kreatif dalam organisasi. Langkah-langkah yang harus diambil kira untuk tindakan ini adalah seperti berikut:

1. Mengukuhkan kerjasama di antara industri dengan institusi pendidikan (vokasional / teknikal) bagi menyediakan kursus dan latihan yang selaras dengan keperluan industri dan pasaran;
2. Memastikan graduan menghadiri kursus yang disediakan oleh penyedia latihan untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan mengenai peralatan sebelum dilantik sebagai kakitangan sepenuh masa dalam syarikat;
3. Memanfaatkan Program Pembangunan Kompetensi semasa di institusi latihan bagi meningkatkan kemahiran pekerja yang sedia ada; dan
4. Memastikan bahawa sektor swasta perlu diberi sokongan yang mencukupi dalam membentuk program-program dalam peningkatan kemahiran bagi memenuhi permintaan industri semasa.

Rajah 3.19 Taburan Pusat Latihan Vokasional



Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Sumber Manusia	- Jabatan Tenaga Manusia - Pembangunan Sumber Manusia Berhad - Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	- Jabatan Ketua Menteri - Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Sabah
Agensi Melaksana		
Kementerian Sumber Manusia		

PD2

Pembangunan Luar Bandar yang Bersepadu

Membangunkan dan menggalakkan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan kukuh

Peningkatan daya saing ekonomi luar bandar akan diberikan keutamaan bagi memastikan pertumbuhan seimbang merentasi lokasi geografi. Usaha akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak berkenaan untuk menyediakan persekitaran perniagaan dan pembangunan yang lebih kondusif untuk menarik pelaburan bernilai tinggi di kawasan luar bandar. Secara tidak langsung, usaha ini akan memastikan kawasan luar bandar berdaya maju dan berdaya saing.

Hala tuju strategik ini akan memberi penekanan utama dalam memanfaatkan sumber tempatan melalui pembangunan Pusat Agropolitan serta menggalakkan pembangunan berdasarkan potensi ekonomi tempatan sedia ada. Keadaan ini dapat mempertingkatkan aktiviti rantaian nilai ekonomi berasaskan pertanian bagi menjana peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi dan menggalakkan keusahawanan bagi masyarakat luar bandar.

Infrastruktur dan kemudahan asas serta rangkaian hubungan antara luar bandar dengan bandar akan diperkukuh untuk merapatkan jurang dan meningkatkan ketersambungan dan mobiliti bagi memupuk integrasi ekonomi. Usaha ini membolehkan perindustrian luar bandar menjadi lebih berdaya saing melalui pemasaran barangan dan perkhidmatan ke kawasan pinggir bandar dan bandar. Ini seterusnya akan mengukuhkan rantaian aktiviti ekonomi antara luar bandar dan bandar.



Kawasan perkampungan di Wilayah Pantai Timur

Kotak 3.17 Definisi dan Peranan Luar Bandar

1. Definisi luar bandar

Kawasan selain daripada kawasan bandar terdiri daripada petempatan yang meliputi semua jenis petempatan kampung, pekan dan petempatan kecil lain yang kurang daripada 10,000 orang penduduk bercirikan pertanian serta kaya dengan sumber alam semula jadi.

Sumber: Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030

2. Aktiviti ekonomi luar bandar akan terus membawa pengaruh penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial luar bandar masih ketara dalam pembangunan negara



29% (8.2 juta) penduduk di Malaysia tinggal di kawasan luar bandar pada tahun 2010

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014




Sektor pertanian telah menyumbang sebanyak RM 93 bilion iaitu sebanyak 9% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2014

Sumber: Rancangan Malaysia Ke-11, 2016-2020



Sektor pertanian dan ekopelancongan/agropelancongan adalah komponen utama dalam ekonomi luar bandar.



HALA TUJU STRATEGIK PD2 PEMBANGUNAN LUAR BANDAR YANG BERSEPADU

PD2.1

Memanfaatkan Sumber Tempatan

PD2.2

Meningkatkan Aktiviti Rantai Nilai bagi Ekonomi Berasaskan Pertanian

PD2.3

Mempertingkatkan Infrastruktur Asas dan Kemudahan Luar Bandar



Kawasan Perkampungan Orang Asli

PD2.1: Memanfaatkan Sumber Tempatan

Sejak kebelakangan ini, pembangunan ekonomi luar bandar telah beralih daripada aktiviti pertanian kepada aktiviti bukan pertanian terutamanya aktiviti ekopelancongan dan agropelancongan. Situasi ini perlu memanfaatkan sumber tempatan sedia ada bagi meningkatkan kegiatan ekonomi baharu dan mempelbagaikan aktiviti ekonomi desa di kawasan luar bandar. Perkembangan ini akan digalakkan sebagai pemangkin utama bagi meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar. Ini seterusnya dapat membasmi kemiskinan luar bandar dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berdaya saing.

Tindakan PD2.1A

Membangunkan petempatan luar bandar berdasarkan potensi ekonomi luar bandar

Pembangunan luar bandar akan memanfaatkan potensi dan sumber ekonomi sedia ada supaya pengkhususan ekonomi luar bandar dapat digalakkan dan saling melengkapi di antara petempatan luar bandar dan bandar. Aktiviti ekonomi luar bandar akan ditumpukan kepada pembangunan berasaskan sumber atau keunikan dan kekuatan yang dimiliki di sesebuah petempatan luar bandar. Pelaburan kepada penyediaan dan infrastruktur awam perlu akan disediakan bagi menyokong pembangunan aktiviti ekonomi asas sumber, industri asas kraf tangan, program pelancongan luar bandar serta industri hiliran berasaskan pertanian dan perhutanan. Selain itu, program *homestay* mempunyai potensi yang tinggi untuk diperluaskan menjadi salah satu aktiviti ekonomi yang mampu menjana peluang pendapatan dan pekerjaan bagi masyarakat luar bandar.

Rajah 3.20 Potensi Ekonomi Luar Bandar



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) - Pihak Berkuasa Wilayah - Pihak Berkuasa Tempatan - Pejabat Tanah dan Daerah	- Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah - Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah
Agensi Melaksana		
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani		

Tindakan PD2.1B

Membangunkan Pusat Agropolitan

Strategi pembangunan agropolitan adalah pendekatan bersepadu untuk pembangunan kawasan luar bandar termasuk aktiviti pertanian, industri berasaskan pertanian dan industri asas luar bandar. Matlamat utama pembangunan luar bandar adalah untuk membasmi kemiskinan melalui peningkatan pendapatan di samping menggalakkan pembangunan di kawasan mundur dan terpencil melalui pembangunan Pusat Agropolitan. Pusat Agropolitan adalah pekan atau pusat petempatan utama yang berpotensi untuk memperkembangkan kegiatan pembangunan pertanian dengan rantai nilai yang lebih tinggi.

Perancangan holistik projek agropolitan meliputi penyediaan prasarana fizikal, pembangunan modal insan serta penglibatan dalam aktiviti ekonomi. Kawasan yang diberi keutamaan adalah kawasan yang mempunyai potensi ekonomi yang tinggi seperti pertanian, penternakan, pelancongan dan perindustrian yang boleh menjana pembangunan di kawasan berkenaan. Penjana ekonomi boleh dilaksanakan melalui ladang komoditi seperti kelapa sawit dan getah serta lain-lain aktiviti pertanian seperti ladang buah-buahan, perikanan, penternakan dan hasil hutan terutamanya di kawasan pedalaman negeri Sabah bagi tujuan penyediaan pekerjaan di sekitar Pusat Agropolitan.



Rajah 3.21 Senarai Pusat Agropolitan


22 Pusat Agropolitan 14 Pusat Agropolitan di Semenanjung Malaysia - Lapan (8) Pusat Agropolitan di Sabah	Semenanjung Malaysia	Negeri Sabah
	- Sik - Selama - Manong - Trolak - Tanah Merah - Kuala Krai - Lojing - Setiu	- Karakit - Pitas - Abuan - Lalampas - Sapulut - Kemabong - Kalabakan - Long Pasia

Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	- Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) - Pihak Berkuasa Wilayah - Pihak Berkuasa Tempatan - Pejabat Tanah dan Daerah	- Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Kerajaan Negeri		


Rajah 3.22 Konsep Pusat Agropolitan

Rajah 3.23 Modal Agropolitan ECER




Rajah 3.24 LOKASI PUSAT AGROPOLITAN SEMENANJUNG MALAYSIA

- Pusat Agropolitan
- Kawasan Pertanian

Sumber : Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015



PD2.2: Meningkatkan Aktiviti Rantaian Nilai bagi Ekonomi Berasaskan Pertanian

Pertanian merupakan salah satu sektor yang menyumbang kepada eksport, KDNK dan ekonomi pekebun-pekebun kecil. Selain itu, tanaman industri komoditi utama negara termasuklah sawit, getah, koko, lada hitam, tembakau dan sagu juga memberi sumbangan kepada negara. Pada tahun 2010, sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian telah menyumbang hampir 15% daripada KDNK negara iaitu sebanyak RM121.9 bilion dan ia dijangka akan menyumbang 11.7% iaitu sebanyak RM168 bilion pada tahun 2020. Walaupun peratusan berkurangan, nilai komoditi semakin meningkat terutama sekali peningkatan hasil dari industri hiliran pertanian.


Kotak 3.18 Prestasi Sektor Pertanian

A. Prestasi sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian pada tahun 2014



Menyumbang 13.3% daripada jumlah pengeluaran KDNK pada tahun 2014

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014




Mencatat 12% (1.6 juta pekerja) dalam jumlah pekerja pada tahun 2014

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014

B. Jangkaan prestasi sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian dalam jumlah pengeluaran KDNK negara pada masa depan

Sumbangan sektor pertanian dalam KDNK dijangka akan meningkat sebanyak RM46.1 billion dari RM121.9 billion pada tahun 2010 kepada RM168 billion pada tahun 2020.



Sumber: Rancangan Malaysia Ke-11, 2016-2020



Aktiviti Tanaman Sawit

Tindakan PD2.2A

Meningkatkan aktiviti nilai tambah dalam industri sawit


Pembangunan industri sawit akan ditumpukan kepada peningkatan produktiviti kawasan sedia ada melalui pengurusan ladang yang lebih cekap, penanaman semula kawasan yang tidak lagi produktif dan mengintegrasikan tanaman/ternakan di kawasan sawit. Tumpuan akan diberikan kepada pembangunan industri hiliran melalui aktiviti nilai tambah minyak sawit dan biomass di kawasan Kluster Industri Minyak Sawit (POIC - *Palm Oil Industrial Cluster*) yang diwujudkan di kawasan utama sawit.


Matlamat utama POIC adalah untuk membangunkan sebuah Kluster Industri Minyak Sawit Bersepadu yang lengkap dengan kemudahan dan perkhidmatan sokongan serta diurus oleh Pengurus Taman Industri Khas, selari dengan pembangunan dan pengurusan taman industri. Komponen pembangunan POIC merangkumi zon pembuatan dan pemprosesan, pusat R&D, pusat pentadbiran dan pengurusan taman industri, taman SME, zon fasiliti *bulking* dan zon fasiliti pergudangan. Sebahagian daripada POIC akan diwartakan sebagai kawasan zon perdagangan bebas.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
- Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	- Lembaga Minyak Sawit Malaysia - RISDA - FELCRA - FELDA - KETENGAH - KESEDAR - KEJORA - POIC: - Johor Corporation - Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur	- Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah - Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah - POIC Sabah Sdn Bhd - Sawit Kinabalu
Agensi Melaksana		
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi		

Rajah 3.26 Lokasi POIC Sedia Ada dan Cadangan






**Rajah 3.27 KAWASAN TANAMAN SAWIT
SEMENANJUNG MALAYSIA, 2013**

- Kawasan Tanaman Sawit
- Petempatan Utama

Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia, 2013



Rajah 3.28 KAWASAN TANAMAN SAWIT NEGERI SABAH, 2014

- Kawasan Tanaman Sawit
- Petempatan Utama

Sumber : Pelan Struktur Sabah, 2033

Tindakan PD2.2B

Meningkatkan produktiviti dan mempelbagaikan peranan tanaman getah


Penanaman tanaman getah akan ditumpukan di kawasan yang sesuai dengan menjalankan program bagi meningkatkan produktiviti getah melalui Amalan Pertanian Baik (GAP) dan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah melalui skim-skim konsolidasi kebun kecil yang diterajui oleh RISDA, FELCRA atau pihak swasta. Selain itu, konsep agropolitan akan diguna pakai di dalam zon tanaman getah bagi meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah serta menjana ekonomi dan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar. Program ini termasuklah mewujudkan estet getah di kalangan pekebun kecil, integrasi tanaman dan penternakan, aktiviti hiliran bernilai tambah yang tinggi dan pembangunan infrastruktur sokongan termasuk sektor perkhidmatan.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
- Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	- Jabatan Pertanian Malaysia - RISDA - FELCRA - FELDA - Lembaga Getah Malaysia	- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah - Lembaga Industri Getah Sabah
Agensi Melaksana		
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi		




Aktiviti tanaman getah



**Rajah 3.29 KAWASAN TANAMAN GETAH
SEMENANJUNG MALAYSIA, 2013**

- Kawasan Tanaman Getah
- Petempatan Utama

Sumber : Jabatan Pertanian Malaysia, 2013



Tindakan PD2.2C

Membangunkan aktiviti perikanan dan akuakultur

Peranan sektor perikanan dan akuakultur sebagai sumber makanan perlu diberi penekanan. Peranan ini menjadi semakin penting apabila agenda sekuriti makanan menjadi fokus terkini di peringkat global. Sehubungan dengan itu, langkah-langkah adalah seperti berikut:


1. Meningkatkan pengeluaran produk perikanan dan memperluaskan aktiviti hiliran bernilai tambah bagi aktiviti perikanan dan akuakultur dengan menarik lebih banyak pelaburan swasta terutamanya di Zon Industri Akuakultur (ZIA);
2. Meningkatkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas bagi menyokong pertumbuhan sektor tersebut;
3. Mewujudkan rantaian pengeluaran ikan akuakultur yang cekap melalui penglibatan sektor swasta dan agensi kerajaan yang berkaitan;
4. Menambah baik akses pasaran dan sokongan logistik bagi tujuan pengumpulan, pengagihan dan pemasaran hasil produk perikanan dan akuakultur;
5. Melaksanakan kod amalan untuk perikanan yang bertanggungjawab oleh Jabatan Perikanan Malaysia; dan
6. Pembukaan kawasan-kawasan baharu untuk aktiviti akuakultur tidak melibatkan kawasan perlindungan negara. (Rujuk Jadual 4.1 dalam Strategi KD1.1: Mempertingkatkan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Aset Ekologi Negara)

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah - Jabatan Perikanan Sabah
Agensi Melaksana		
Jabatan Perikanan Malaysia		




Aktiviti akuakultur



Rajah 3.31 KAWASAN PERIKANAN DAN AKUAKULTUR SEMENANJUNG MALAYSIA, 2014

- Lokasi Zon Industri Akuakultur
- Badan Air
- kawasan Tepu Bina Sedia Ada

Sumber : Jabatan Perikanan, 2014



Tindakan PD2.2D

Menggalakkan pertanian moden bagi menjana pendapatan tinggi

Melalui pelaksanaan pertanian moden, pengeluaran makanan negara dijangka akan meningkat dan secara langsung menambah bekalan makanan bagi keperluan domestik. Pertanian moden menekankan penggunaan teknologi yang bersesuaian dan terkini. Ia bertujuan bagi mendapatkan hasil yang lebih banyak, bermutu dan kualiti yang lebih tinggi. Pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian dapat menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan.

Selain itu, kesedaran yang tinggi dalam bidang pertanian hijau atau pendekatan mesra alam adalah pengurusan pertanian secara mampan. Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan nilai tambah pertanian moden melalui program rantaian nilai, insentif produk baharu serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Program rantaian nilai akan menggalakkan aktiviti pemprosesan bahan mentah kepada barang siap sehingga produk dapat dipasarkan kepada pengguna; dan
2. Menggalakkan program insentif produk baharu bagi penduduk luar bandar untuk meneroka aktiviti ekonomi baharu dalam sektor pertanian, perikanan dan penternakan yang mampu meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Lembaga Getah Malaysia - Lembaga Kelapa Sawit Malaysia - RISDA - FELDA - KETENGAH - KESEDAR - KEJORA - Pejabat POIC	- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah - Jabatan Pertanian Sabah
Agensi Melaksana		
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani		



Aktiviti Pertanian

Tindakan PD2.2E

Menguukuhkan rantaian aktiviti ekonomi antara luar bandar dan bandar

Kepentingan rantaian antara industri luar bandar dan bandar perlu diperkukuhkan sebagai pemangkin utama bagi meningkatkan peluang aktiviti keusahawanan masyarakat luar bandar. Rantaian ini mampu mewujudkan peluang kepada golongan usahawan untuk memasarkan dan memperkembangkan lagi produk ke kawasan bandar bagi meningkatkan produktiviti. Jaringan rantaian yang efektif dapat menjana peluang bagi usahawan bandar untuk memperoleh bekalan / input pada harga yang lebih kompetitif dan penawaran yang berterusan daripada luar bandar. Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Membangunkan rantaian antara industri / bandar dan industri luar bandar melalui konsep *feeder industry*. Melalui konsep ini, rantai nilai pemasaran produk dapat diperkukuh di mana industri luar bandar akan membekalkan produk kepada industri di bandar, sama ada untuk tujuan pemasaran atau pemprosesan. Rangkaian pusat jualan atau pasar raya mini produk usahawan luar bandar harus diwujudkan di kawasan bandar bagi mempromosikan produk-produk pertanian daripada kawasan luar bandar; dan
2. Menambah baik akses pasaran dan logistik dengan memperkukuh sokongan logistik dan meningkatkan akses di antara bandar dan luar bandar.

Rajah 3.32 Rantaian Nilai Pemasaran Produk



Sumber: Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar, 2010

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) - Jabatan Pertanian Malaysia - Jabatan Perikanan Malaysia - Pihak Berkuasa Wilayah	- Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)
Agensi Melaksana		
- Kerajaan Negeri - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah		

PD2.3: Mempertingkatkan Infrastruktur dan Kemudahan Luar Bandar

Petempatan luar bandar perlu dilengkapi dan ditingkatkan infrastruktur dan kemudahan bagi mengekalkan sasaran 15% penduduk Malaysia menetap di kawasan luar bandar menjelang tahun 2040. Ini termasuk meningkatkan daya saing ekonomi di kawasan luar bandar. Bagi mempertingkatkan tahap infrastruktur dan kemudahan di luar bandar, tindakan boleh dilaksanakan melalui:

Tindakan PD2.3A

Memperluaskan pembangunan infrastruktur di luar bandar

Pembangunan infrastruktur dan utiliti luar bandar amat penting untuk perkembangan dan pertumbuhan di kawasan luar bandar. Prasarana yang baik dan kondusif akan menjana pertumbuhan ekonomi negara dan mampu merapatkan jurang pembangunan di antara bandar dan luar bandar. Antara infrastruktur luar bandar yang harus dipertingkatkan adalah seperti berikut:

1. Kemudahan ICT

Penggunaan kemudahan ICT dan pakej perisian yang sesuai akan terus dipertingkatkan kepada penduduk luar bandar. Kemudahan ICT perlu diperkukuhkan dan diorientasikan semula untuk menjadi instrumen yang boleh menjana peluang pendapatan di kawasan luar bandar. Ia akan digunakan bagi memasarkan produk luar bandar serta meluaskan jaringan perniagaan, penyebaran maklumat dan meningkatkan peluang pengetahuan masyarakat luar bandar.

2. Bekalan Elektrik

Kemudahan bekalan elektrik di luar bandar harus diperluaskan ke kawasan terpencil. Ini termasuklah rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman negeri Sabah dan Sarawak, perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan perkampungan di pulau-pulau. Liputan bekalan elektrik luar bandar akan diperluas melalui sistem talian grid dan sistem alternatif seperti mini hidro dan solar hibrid.

3. Bekalan Air

Usaha bagi meningkatkan liputan bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar akan dilaksanakan dengan menaik taraf atau menyediakan saluran paip dan loji rawatan air baharu. Usaha adalah selaras dengan sasaran RMKe-11 iaitu liputan air bersih dan terawat mencapai 99% di Malaysia menjelang tahun 2020.

4. Sistem dan Perkhidmatan Pembetungan

Perkhidmatan pembetungan bersambung akan diperluas ke luar bandar bagi meningkatkan tahap kualiti petempatan luar bandar. Teknologi yang bersesuaian dan lebih mampan bagi rawatan kumbahan perlu diaplikasikan di kawasan luar bandar terutamanya di perkampungan tradisional dan Orang Asli yang terletak di kawasan terpencil serta perkampungan di pulau-pulau.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air - Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia	- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) - Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) - Tenaga Nasional Berhad - Pihak Berkuasa Air Negeri - Pihak Berkuasa Wilayah - Pihak Berkuasa Tempatan - Pejabat Tanah dan Daerah	- Jabatan Ketua Menteri (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) - Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah - Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) - Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah
Agensi Melaksana		
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Kerajaan Negeri		

Tindakan PD2.3B

Meningkatkan akses kepada kemudahan masyarakat

Peningkatan akses kepada kemudahan masyarakat harus difokuskan kepada penyediaan kemudahan dan perkhidmatan asas seperti kemudahan awam, kemudahan kewangan, pendidikan, kesihatan dan rekreasi kepada penduduk di luar bandar bagi meningkatkan kualiti hidup mereka. Pembangunan institusi dan kemudahan masyarakat yang menyeluruh dan efisien melalui tiga (3) langkah yang telah dikenal pasti iaitu:

1. Menambah dan membaik pulih kemudahan masyarakat di kawasan luar bandar;
2. Menilai keperluan institusi dan kemudahan masyarakat bagi memperluaskan perkhidmatan dan akses di kawasan luar bandar; dan
3. Meningkatkan kerjasama antara agensi pelaksana dalam usaha pembangunan dan perkhidmatan asas luar bandar.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Kerajaan Negeri	- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Pihak Berkuasa Wilayah - Pihak Berkuasa Tempatan - Pejabat Tanah dan Daerah	- Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah - Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah - Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)		



Kawasan perkampungan di Terengganu

Tindakan PD2.3C

Menambah baik jaringan dan hubungan luar bandar

Pembinaan jalan baharu dan menaik taraf jalan luar bandar sedia ada akan menambah baik dan meningkatkan ketersambungan di kawasan luar bandar dan kawasan bandar yang berhampiran terutamanya bagi kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak serta kawasan petempatan orang asli di Semenanjung Malaysia. Penggunaan teknologi, kaedah kestabilan tanah dan turapan konkrit perlu diambil kira bagi menghasilkan jalan berkualiti dan mengurangkan kos penyelenggaraan. Reka bentuk perlu meningkatkan tahap ketahanan jalan untuk menampung kegunaan kenderaan berat dan komersial serta meningkatkan tahap kemudahan di antara kawasan luar bandar dengan pusat ekonomi bandar. Di samping itu, sistem pengangkutan awam luar bandar yang efisien dan kondusif perlu diwujudkan untuk meningkatkan kemudahan di antara masyarakat luar bandar dengan kawasan perbandaran.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah - Kementerian Kerja Raya	- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia - Jabatan Kerja Raya - Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) - Pihak Berkuasa Wilayah - Pihak Berkuasa Tempatan - Pejabat Tanah dan Daerah	- Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah - Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah - Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
- Kementerian Kerja Raya - Kerajaan Negeri		



Perhubungan jalan raya di kawasan desa, Sabah

PD3


Hubungan dan Akses yang Dipertingkatkan

Membangunkan sistem perhubungan dan akses yang komprehensif bagi memenuhi keperluan pembangunan negara serta merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan

Perhubungan yang cekap dan menyeluruh adalah nadi kepada pembangunan ekonomi negara. Hala tuju strategik ini memberi penekanan utama kepada pembangunan rangkaian dan hubungan fizikal dan infrastruktur digital seperti jalur lebar berkelajuan tinggi bagi meningkatkan hubungan wilayah dan akses kepada pasaran, maklumat dan pengetahuan global.

Peningkatan hubungan fizikal dan akses juga membantu dalam membentuk kesejahteraan hidup penduduk Malaysia dengan meluaskan peluang penglibatan ekonomi serta menggalakkan keterangkuman masyarakat. Hubungan dan akses merangkumi sistem perhubungan yang komprehensif ini termasuklah sistem hubungan digital, jalan raya, kereta api, pengangkutan air dan udara yang penting bagi merangsang pembangunan sosial, fizikal dan ekonomi.

Kotak 3.19 Projek Pembinaan Landasan Rel Kunming–Singapura





Sumber: Master Plan on ASEAN Connectivity, 2012



Kemudahan pengangkutan rel awam di Bandaraya Kuala Lumpur

Kotak 3.20 Projek Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo

Sepanjang 1,236 km jalan raya di Sabah akan dinaik taraf di bawah projek Lebuhraya Pan Borneo. Rangkaian pengangkutan akan ditambah baik bagi meningkatkan ketersambungan dan mobiliti di Sabah, Sarawak dan Labuan. Projek menaik taraf jalan itu bakal memberi manfaat kepada penduduk di Sipitang, Beaufort, Papar, Penampang, Kota Kinabalu, Tuaran, Kota Belud, Kudat, Tamparuli, Ranau, Telupid, Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Kalabakan, Sapulut, Nabawan, Keningau, Kimanis dan Labuan.



HALA TUJU STRATEGIK PD3 HUBUNGAN DAN AKSES YANG DIPERTINGKATKAN

PD3.1

Membangunkan Rangkaian dan Perhubungan Pengangkutan Jalan Raya

PD3.2

Membangunkan Sistem Rangkaian Kereta Api yang Komprehensif

PD3.3

Mempertingkatkan Perkhidmatan Pengangkutan Air

PD3.4

Meningkatkan Perhubungan Udara Serantau dan Tempatan

PD3.5

Mengembangkan dan Meningkatkan Infrastruktur Digital

PD3.1: Membangunkan Rangkaian dan Perhubungan Pengangkutan Jalan Raya

Jalan raya memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan bandar di Malaysia. Rangkaian jalan raya boleh meningkatkan kegiatan ekonomi di suatu tempat kerana ia boleh meningkatkan tahap kemudahsampaian di sesuatu penempatan. Selain itu, ia juga menjamin perhubungan dan kelancaran penduduk antara kawasan bandar dan luar bandar serta antara negeri. Sehingga tahun 2014, 16,438 km panjang lebuh raya dan jalan persekutuan telah dibina untuk membentuk rangkaian perhubungan jalan yang menyeluruh di seluruh Semenanjung Malaysia manakala di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan jalan persekutuan sepanjang 1,600 km telah dibina. Sehingga kini terdapat lebih daripada 19,000 km lebuh raya dan jalan persekutuan telah dibina di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Selain itu, Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2014 - 2020 (PKJRM 2014 - 2020) telah dilancarkan oleh Kementerian Pengangkutan bagi meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di Malaysia setaraf dengan negara maju serta memastikan mobiliti dan penggunaan jalan raya yang lebih selamat.

Kotak 3.21 Info Ringkas Kapanjangan Jalan Raya



16,438 km

Lebuh Raya dan Jalan Persekutuan

SEMANANJUNG
MALAYSIA

Sumber: Kementerian Kerja Raya, 2014

1,600 km

Jalan Persekutuan

NEGERI SABAH dan
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Sumber: Kementerian Kerja Raya, 2014

Tindakan PD3.1A

Mengutamakan ketersambungan wilayah

Pembangunan lebuh raya akan ditumpukan di luar kawasan Konurbasi Nasional bagi memperluaskan ketersambungan dan mengurangkan masa perjalanan di peringkat wilayah. Pembangunan lebuh raya baharu akan diberi penumpuan kepada ketersambungan luar bandar dengan bandar serta di sekitar Wilayah Pantai Timur, negeri Sabah dan Sarawak yang menjadi pemangkin pertumbuhan di wilayah tersebut. *Highway Network Development Plan* (HNDP) yang disediakan oleh Kementerian Kerja Raya akan dijadikan sebagai rujukan utama bagi pelaksanaan projek. Antara projek-projek lebuh raya utama adalah seperti berikut:

1. Pembangunan hubungan jalan Pan Borneo bagi meningkatkan ketersambungan di Sabah, Sarawak dan Labuan;
2. Pembangunan *Central Spine Road*, Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai;
3. Pembangunan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT3) dan hubungan jalan dari Kuantan ke bahagian selatan negeri Johor bagi menambah baik ketersambungan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia; dan
4. Pembangunan Lebuh Raya Pesisir Pantai yang menghubungkan negeri Melaka dan negeri Johor sebagai salah satu akses kepada penduduk Pantai Barat Semenanjung Malaysia.


Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Kerja Raya	- Kerajaan Negeri - Pihak Berkuasa Wilayah	- Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah - Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah - Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah - Jabatan Ketua Menteri (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
Jabatan Kerja Raya		





Rajah 3.35 Masa Perjalanan bagi Empat (4) Konurbasi di Semenanjung Malaysia



PD3.2: Membangunkan Sistem Rangkaian Kereta Api yang Komprehensif

Malaysia perlu menuju ke arah rangkaian kereta api yang komprehensif untuk menyokong transformasi ekonomi negara dan keperluan semasa. Pembangunan pengangkutan rangkaian kereta api akan dijadikan sebagai tulang belakang pengangkutan di Malaysia. Sistem rangkaian ini termasuk pembangunan rel berkelajuan tinggi, perkhidmatan kereta api elektrik (*ETS- Electric Train Service*) dan pengangkutan bandar awam. Dengan itu, ketersambungan antara wilayah dan bandar adalah singkat, selamat dan cekap serta dapat merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan. Di samping itu, pembangunan pengangkutan rangkaian kereta api harus memanfaatkan Projek Pembinaan Landasan Rel Kunming–Singapura yang bakal dilaksanakan dengan melengkapkan rangkaian kereta api yang menghubungkan Singapura dan Thailand. Dengan itu, ia dapat membangunkan sistem perhubungan serantau yang lebih menyeluruh serta merangsang pembangunan ekonomi dan infrastruktur serantau.

Tindakan PD3.2A

Menggalakkan sistem rel berkelajuan tinggi sebagai rel serantau yang utama dalam sistem pengangkutan bersepadu

Rel berkelajuan tinggi perlu dipanjangkan daripada Kuala Lumpur ke Johor Bahru dan Butterworth pada masa hadapan bagi menyempurnakan sistem perhubungan kereta api dan mobiliti penduduk di antara Konurbasi dan bandar utama di Semenanjung Malaysia. Objektif utama adalah untuk mengurangkan masa perjalanan sehingga 90 minit di antara wilayah utara dan selatan. Langkah-langkah yang akan diambil kira adalah:

1. **Jangka Pendek:** Melaksanakan laluan rel berkelajuan tinggi daripada Kuala Lumpur- Singapura; dan
2. **Jangka Panjang:** Mengenal pasti koridor bagi rel berkelajuan tinggi Kuala Lumpur- Ipoh dan Butterworth.


Rajah 3.36 Cadangan Pembangunan Rel Berkelajuan Tinggi



Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan

Agensi Memantau	Agensi Sokongan
- Kementerian Pengangkutan Malaysia - Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	- Kerajaan Negeri - Pihak Berkuasa Wilayah - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana	
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	



Tindakan PD3.2B

Memperluaskan Perkhidmatan Kereta Api Elektrik (ETS) dan Perkhidmatan Lain Kereta Api

Peranan perkhidmatan kereta api antara bandar yang lain diperkukuhkan melalui projek penambahbaikan dan memperluaskan pembangunan kereta api ke wilayah yang lain bagi melengkapkan sistem rangkaian pengangkutan kereta api bersepadu di Malaysia. Seterusnya rangkaian tersebut akan diintegrasikan dengan sistem rangkaian pengangkutan kereta api di Thailand. Bagi memperluaskan perkhidmatan kereta api, langkah-langkah yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Menggalakkan penggunaan Perkhidmatan Kereta Api Elektrik (ETS) sebagai sistem kereta api utama antara bandar dalam sistem pengangkutan bersepadu wilayah

Perkhidmatan Kereta Api Elektrik (ETS) adalah satu perkhidmatan kereta api penumpang antara bandar yang dikendalikan oleh Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB). ETS boleh dijalankan pada kelajuan maksimum 140-160 km/jam dan berfungsi sebagai sistem komuter teras di antara kawasan Konurbasi melalui rangkaian rel KTMB. Bagi memperluaskan perkhidmatan ETS, langkah-langkah yang akan dilaksanakan seperti berikut:

a. Jangka Pendek:

- Meluaskan operasi dan liputan perkhidmatan ETS dengan melengkapkan infrastruktur dan landasan berkembar dari Gemas ke Johor Bahru; dan
- Mengintegrasikan perkhidmatan ETS dengan sistem transit bandar yang cekap dan sistem bas pengantara dalam kawasan pertumbuhan.

b. Jangka Panjang:

- Meluaskan operasi dan liputan perkhidmatan ETS ke Wilayah Pantai Timur Semenanjung Malaysia; dan
- Cadangan pembinaan sistem rangkaian pengangkutan kereta api (mempunyai had kelajuan seperti perkhidmatan ETS di Semenanjung Malaysia) yang berhubung dengan bandar-bandar utama di negeri Sabah.

2. Memperluaskan pembangunan kereta api ke kawasan bandar yang lain bagi melengkapkan sistem rangkaian pengangkutan kereta api bersepadu di Malaysia

Cadangan-cadangan projek pembangunan kereta api adalah seperti berikut:

a. Jangka Pendek:


- Pemulihan trek tunggal KTMB yang sedia ada dari Gemas ke Tumpat;


b. Jangka Panjang:

- Cadangan membaik pulih laluan kereta api yang sedia ada dari Tapah ke Teluk Intan dan cadangan laluan kereta api baharu dari Teluk Intan ke Bagan Datoh bagi menyokong pembangunan perindustrian dan terminal laut di sekitar Bagan Datoh;
- Cadangan pembinaan laluan kereta api baharu dari Ipoh ke Lumut;
- Cadangan membaik pulih laluan kereta api sedia ada dari Seremban ke Port Dickson; dan
- Cadangan pembinaan jaringan pengangkutan kereta api yang berhubung di antara negeri Sabah dan Sarawak.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
• Kementerian Pengangkutan Malaysia	• Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) • Pihak Berkuasa Wilayah • Perbadanan Aset Keretapi	• Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah • Jabatan Keretapi Negeri Sabah • Jabatan Ketua Menteri (Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah) • Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA)
Agensi Melaksana		
• Keretapi Tanah Melayu Berhad		






Tindakan PD3.2C

Mempertingkatkan pengangkutan awam bandar

Satu rangkaian pengangkutan awam yang lebih lengkap dan mampan dalam kawasan pertumbuhan perlu dibangunkan. Ini bertujuan untuk mencapai sasaran peratusan penggunaan pengangkutan awam keseluruhan sebanyak 40% pada tahun 2030 dan 50% menjelang tahun 2040. Bagi mencapai sasaran tersebut, penggunaan pengangkutan awam darat di pusat bandar dan sistem transit rel bandar akan dijadikan penyelesaian pengangkutan bandar yang menyeluruh dengan pembangunan berorientasi transit (*TOD-Transit Oriented Development*) sekitar stesen yang strategik. Bagi melengkapkan rel pengangkutan awam bandar, rel berkelajuan tinggi dan Perkhidmatan Kereta Api Elektrik (*ETS-Electric Train Service*) antara negeri akan berintegrasi dengan sistem transit rel ringan dan berkapasiti tinggi (LRT dan MRT) serta Bas Rapid Transit (BRT) di kawasan bandar. Pelaksanaan sistem transit dan peningkatan perkhidmatan bas di kawasan bandar akan berpandukan rancangan-rancangan seperti berikut:

1. Melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara:
 - *Klang Valley Mass Rapid Transit* (sekitar Lembah Klang)
 - LRT 3 (Bandar Utama - Klang)
 - Laluan Monorel Putrajaya dan Cyberjaya
 - Laluan BRT bagi Lembah Klang, Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu serta bandar-bandar utama yang lain
2. Membangunkan Pelan Induk Pengangkutan Bersepadu di bandar-bandar utama terutamanya di Konurbasi, Zon Promosi Pembangunan dan Pusat Katalis;
3. Memperluaskan Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti (*SBST-Stage Bus Service Transformation*) ke bandar-bandar lain; dan
4. Memperluaskan liputan dan perkhidmatan tren *shuttle* KTM Komuter di kawasan pertumbuhan yang lain.

Rajah 3.40 Sasaran Modal Split bagi Pengangkutan Awam Darat




Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)	Pihak Berkuasa Tempatan	- Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah - Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Sabah - Jabatan Ketua Menteri Sabah (Dewan Bandaraya Kota Kinabalu) - Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
- Kerajaan Negeri - Pihak Berkuasa Wilayah		

Rajah 3.41 Cadangan Pembangunan Pengangkutan Awam di Lembah Klang dan Iskandar Malaysia



Kotak 3.22 Bas Rapid Transit (BRT)

Bas Rapid Transit (BRT) merupakan satu sistem transit berdasarkan bas berkualiti tinggi dengan memberikan perkhidmatan yang cepat, selesa, dan kos efektif. Sistem transit ini menyediakan satu laluan khas untuk bas yang berhubung dengan stesen di sepanjang koridor bagi memastikan operasi yang efektif, cepat dan kerap.

BRT mempunyai ciri-ciri serupa dengan sistem aliran ringan yang lain seperti MRT dan LRT, maka ia adalah lebih boleh dipercayai, mudah dan lebih cepat daripada perkhidmatan bas biasa. BRT dapat mengelakkan punca-punca kelewatan yang biasanya melambatkan perkhidmatan bas biasa seperti yang terperangkap dalam lalu lintas dan tahap kekerapan yang kurang memuaskan.


Di Malaysia, Inisiatif Bas Rapid Transit (BRT) bertujuan untuk meningkatkan lagi kesalinghubungan perkhidmatan bas sedia ada di samping mempercepatkan perjalanan bas untuk penumpang. Sistem Bas Rapid Transit (BRT) Malaysia yang pertama telah siap dan dilancarkan pada Jun 2015 di Bandar Sunway.

Contoh Kemudahan BRT di Bandar Sunway



Sumber: www.myrapid.com.my

Cadangan Pembangunan Pengangkutan BRT di Iskandar Malaysia



PD3.3: Mempertingkatkan Perkhidmatan Pengangkutan Air

Pengangkutan air merupakan satu mod pengangkutan alternatif yang perlu digalakkan bagi memenuhi keperluan pembangunan negara. Penekanan ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan pengangkutan air, perhubungan dan mobiliti di antara kepulauan yang berhampiran dan pesisiran pantai. Bagi memperluaskan perkhidmatan pengangkutan air, tindakan yang boleh dilaksanakan dengan menambah baik perkhidmatan feri dan membangunkan perkhidmatan teksi air.


Tindakan PD3.3A

Menambah baik perkhidmatan feri

Terdapat lebih daripada 50 terminal dan jeti yang menawarkan perkhidmatan feri dan menghubungkan lebih daripada 50 destinasi termasuk 14 destinasi antarabangsa dan lapan (8) destinasi pulau. Perkhidmatan feri memainkan peranan penting untuk menjamin perhubungan ke pulau yang berhampiran dan kawasan pedalaman serta menyumbang kepada sektor pelancongan. Sehubungan dengan itu, projek menaik taraf perkhidmatan feri adalah penting dalam meningkatkan tahap kecekapan dan kualiti perkhidmatan feri. Perkhidmatan feri akan dilengkapi atau dinaik taraf kemudahan dan infrastruktur terutamanya kemudahan seperti berikut:

1. Kemudahan imigresen;
2. Kemudahan keselamatan;
3. Jeti;
4. Aksesibiliti; dan
5. Ruang tempat letak kenderaan.

Rajah 3.42 Perkhidmatan Feri



Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Pengangkutan Malaysia	- Kerajaan Negeri - Pihak Berkuasa Tempatan	- Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah - Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah - Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
Kementerian Pengangkutan Malaysia		

Tindakan PD3.3B

Membangunkan perkhidmatan teksi air

Perkhidmatan teksi air akan digalakkan sebagai sistem pengangkutan awam alternatif bagi memudahkan mobiliti penduduk dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain. Perkhidmatan teksi air akan menjadi nilai tambah kepada produk pelancongan eko marin terutamanya di bandar pelancongan dan kepulauan yang mempunyai keunikan dan berhampiran dengan pesisiran pantai dan sungai. Antara kawasan yang akan digalakkan bagi membangunkan perkhidmatan teksi air adalah seperti berikut:

1. George Town dan Seberang Perai;
2. Johor Bahru;
3. Putrajaya;
4. Melaka;
5. Kuala Terengganu;
6. Langkawi;
7. Kota Kinabalu; dan
8. Labuan.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan


Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Pengangkutan Malaysia	Pihak Berkuasa Tempatan	- Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah - Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah - Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah - Pihak Berkuasa Tempatan
Agensi Melaksana		
Kerajaan Negeri		

PD3.4: Meningkatkan Perhubungan Udara Serantau dan Tempatan

Dasar Langit Terbuka adalah satu perjanjian di antara negara-negara ASEAN untuk membentuk satu pasaran penerbangan tunggal (*single aviation market*) di anggota negara-negara ASEAN. Perjanjian perkhidmatan udara dua hala berdasarkan Dasar Langit Terbuka membenarkan syarikat penerbangan Malaysia dan negara-negara asing mengadakan penerbangan tanpa sekatan dari segi kekerapan perkhidmatan, kapasiti penerbangan, jenis pesawat, laluan serta bilangan syarikat penerbangan yang dibenarkan (*multiple designations*).

Aturan perkhidmatan udara yang bersifat langit terbuka (*open skies*) memberi kemudahan dan daya penarik kepada syarikat-syarikat penerbangan kedua-dua negara untuk meneroka pasaran dan mengadakan penerbangan dengan kekerapan dan laluan secara *commercially viable* di antara kedua-dua negara. Situasi ini mampu meningkatkan pertumbuhan sektor pengangkutan udara dan industri pelancongan negara dan sekaligus meningkatkan kemudahnya rakyat negara ini ke negara-negara lain di dunia dan sebaliknya. Selain itu, Malaysia akan terus meningkatkan ketersambungan perhubungan udara tempatan terutamanya ketersambungan luar bandar bagi memastikan kelancaran pergerakan penduduk dan barangan tempatan.

Rajah 3.43 Jangka Masa Penerbangan



Sumber: Rancangan Fizikal Negara Ke-3, 2015

Tindakan PD3.4A

Mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur lapangan terbang sedia ada

Pelaksanaan Dasar Langit Terbuka merupakan satu peluang yang baik bagi meningkatkan daya saing dan menceburi pasaran baharu bagi lapangan terbang di Malaysia dalam perkembangan ekonomi serantau. Lapangan terbang yang sedia ada harus menaik taraf kemudahan dan infrastruktur sebagai satu persediaan awal terhadap pelaksanaan Dasar Langit Terbuka serta memastikan kecekapan pengendalian dan operasi lapangan terbang bagi menyokong aktiviti ekonomi tempatan. Kemudahan dan infrastruktur yang perlu dipertingkatkan adalah seperti berikut:

1. Kemudahan imigresen;
2. Kemudahan keselamatan;
3. Pusat kawalan trafik udara;
4. Ruang komersial;
5. Terminal kargo;
6. Aksesibiliti; dan
7. Apron.

Pada masa hadapan, sebarang cadangan pembangunan lapangan terbang yang baharu akan tertakluk kepada permintaan ekonomi dan tempatan. Kajian kemungkinan perlu dilaksanakan oleh pihak berkenaan sebelum mendapat kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan.

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan


Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Pengangkutan Malaysia	Unit Perancang Ekonomi	- Kementerian Pengangkutan Malaysia - Malaysia Airports Holdings Berhad
Agensi Melaksana		
Malaysia Airports Holdings Berhad		

Tindakan PD3.4B

Menambah baik perkhidmatan udara luar bandar

Perkhidmatan udara luar bandar merupakan mod pengangkutan utama yang menghubungkan masyarakat pedalaman Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan ini memainkan peranan penting bagi memastikan kelancaran penyediaan perkhidmatan kesihatan dan keselamatan terhadap penempatan di kawasan luar bandar yang masih sukar diakses oleh pengangkutan darat. MASwings selaku operator tunggal perkhidmatan penerbangan luar bandar di Sabah dan Sarawak menyediakan 49 laluan perkhidmatan udara luar bandar dengan menggunakan pesawat jenis ATR 72-500 dan Twin Otter Viking DHC6-400. Laluan-laluan ini melibatkan 10 lapangan terbang dan 14 padang terbang di Sabah dan Sarawak. Ketersambungan perkhidmatan udara luar bandar akan dipertingkatkan melalui penambahbaikan kemudahan dan infrastruktur di padang terbang sedia ada. Ini termasuk padang terbang di Long Pasia, Pegalungan, Tongod, Sook, Ranau, Semporna, Bandar Sahabat, Temanggong, Sapulut dan Karakit di negeri Sabah.

Rajah 3.44 Perhubungan Perkhidmatan Udara Luar Bandar



Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Pengangkutan Malaysia	Unit Perancang Ekonomi	- Kementerian Pengangkutan Malaysia - Malaysia Airports Holdings Berhad - Jabatan Ketua Menteri Sabah - Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah
Agensi Melaksana		
Malaysia Airports Holdings Berhad		

PD3.5: Mengembangkan dan Meningkatkan Infrastruktur Digital

Malaysia harus memastikan pembangunan ekonomi negara seiring dengan perkembangan ekonomi digital global. Perkembangan teknologi maklumat yang pantas dan pesat telah mengubah corak kehidupan rakyat dan pertumbuhan ekonomi terutamanya dalam memastikan ketersambungan hubungan dan komunikasi orang ramai serta kelangsungan kegiatan ekonomi negara. Tindakan yang perlu dilaksanakan bagi membangunkan infrastruktur digital yang lebih berkesan adalah seperti berikut:

Tindakan PD3.5A

Mengukuhkan dan memperluaskan liputan jalur lebar

Perkhidmatan jalur lebar yang kukuh dan meluas mementingkan aspek kesinambungan jalur lebar yang lancar serta mengurangkan keperluan untuk pergerakan fizikal yang membolehkan peningkatan produktiviti penduduk di bandar dan luar bandar. Perkhidmatan jalur lebar yang lancar dapat meluaskan perniagaan dengan bantuan perkhidmatan e-dagang, membantu menghubungkan penduduk, menambahkan ilmu serta melahirkan masyarakat yang berpengetahuan. Industri kreatif negara juga dapat dikembangkan dengan bantuan penggunaan jalur lebar yang lancar.

Langkah yang perlu diambil bagi memastikan ketersambungan jalur lebar yang lancar adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan kapasiti jalur lebar (*bandwidth*) antarabangsa bagi memenuhi jangkaan permintaan sebanyak 41 terabit pada tahun 2020;
2. Mengkaji semula rangka kerja kawal selia dan mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan pemasangan kabel dasar laut antarabangsa ke Malaysia; dan
3. Melaksanakan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi 2 (HSBB 2) dan Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB). Inisiatif HSBB 2 memastikan ketersambungan jalur lebar sehingga 100 megabit sesaat (Mbps) di ibu negeri dan kawasan pertumbuhan berimpak tinggi yang terpilih. Inisiatif SUBB pula menyediakan capaian jalur lebar sehingga 20 Mbps kepada 50% isi rumah di pinggir bandar dan luar bandar pada tahun 2020.

Kotak 3.23 Kadar Ketersambungan Digital Nasional 2015 (Suku Keempat)

A) Jalur lebar	B) Selular	C) Akses komuniti internet
• Bagi setiap 100 penduduk: 100.4 • Bagi setiap 100 isi rumah: 77.3	• Bagi setiap 100 penduduk: 143.8	• Pusat Internet 1Malaysia- 657 pusat • Pusat Jalur Lebar Komuniti Mini- 120 pusat • Perpustakaan Jalur Lebar- 44 perpustakaan • Komuniti WiFi (KW)- 2,978 kawasan

Sumber: Komunikasi dan Multimedia Buku Maklumat Statistik, Suku Keempat 2015

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
• Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	• Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia • Pihak Berkuasa Tempatan	• Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Sabah • Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Agensi Melaksana		
• Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia		

Tindakan PD3.5B

Memperkuhkan infrastruktur untuk bandar pintar

Bandar pintar merupakan satu pendekatan pengurusan bandar yang menyediakan penyelesaian bagi menangani isu bandaran dan menambah baik kualiti hidup penduduk. Bandar Pintar bergantung kepada penggunaan meluas dan kemudahan ICT untuk merancang dan berkongsi sumber bagi pembangunan ekonomi, alam sekitar dan sosial ke arah kehidupan yang lebih berkualiti dan mampan.

Langkah-langkah yang perlu diambil adalah seperti berikut:

1. Membangunkan bandar pintar dengan menarik lebih banyak pelaburan;
2. Memberikan tumpuan kepada pembangunan kemudahan jalur lebar serta rangkaian sensor dan aplikasi yang meluas;
3. Menyediakan data terbuka bagi menyokong penganalisan dan perancangan serta mewujudkan peluang bagi inovasi terbuka oleh perniagaan dan individu;
4. Melaksanakan program komuniti pintar di peringkat tempatan; dan
5. Menyokong gaya hidup mampan/hijau bandar melalui aplikasi dan teknologi yang mengurangkan beban kepada sumber tenaga dan air.

Kotak 3.24 Contoh Bandar Pintar Iskandar Malaysia



Bandar Pintar Iskandar Malaysia ialah sebuah pemboleh nilai tambah dan inisiatif untuk memudahkan urusan untuk menjalankan perniagaan serta meningkatkan kualiti kehidupan penduduk Iskandar Malaysia. Terdapat tiga (3) bidang tumpuan iaitu ekonomi, alam sekitar dan sosial. Di bawah ketiga-tiga bidang tumpuan ini, terdapat enam (6) dimensi yang dipromosikan iaitu Ekonomi Pintar, Tadbir Urus Pintar, Penduduk Pintar, Kehidupan Pintar, Alam Sekitar Pintar dan Mobiliti Pintar.

Terdapat 35 program yang bertindak sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) untuk bekerjasama dengan pelabur dan pihak-pihak berkepentingan

bagi menjayakan program-program tersebut dengan mengenal pasti projek Bandar Pintar Iskandar Malaysia. Keperluan Bandar Pintar Iskandar Malaysia:

- Menggalakkan kesan yang berganda kepada pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan di seluruh negara ke arah mencapai gaya hidup yang lebih baik;
- Sejajar dengan inisiatif yang disenaraikan dalam 24 pelan-pelan tindakan (*blueprint*) Iskandar Malaysia yang telah diluluskan dan disahkan;
- Sejajar dengan inisiatif dan projek-projek lain yang sedang dibangunkan di Iskandar Malaysia;
- Mewujudkan gaya hidup dan persekitaran perniagaan berasaskan teknologi yang lebih mudah dan lebih cekap; dan
- Membentuk motivasi yang tinggi ke arah mencapai wawasan Iskandar Malaysia iaitu untuk sebuah Metropolis Bertaraf Antarabangsa yang Kukuh dan Mampan.

Sumber: Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)

Tanggungjawab pelaksanaan dan pemantauan

Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan		Sabah
Agensi Memantau	Agensi Sokongan	Agensi Sokongan
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia - Pihak Berkuasa Negeri - Pihak Berkuasa Tempatan	- Kementerian Pembangunan Sumber dan Teknologi Maklumat Sabah - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Agensi Melaksana		
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia		

Indikator Pelaksanaan Teras 1

14 strategi dalam Teras 1 akan diukur oleh indikator yang dikenal pasti. Indikator ini adalah satu instrumen utama yang akan digunakan untuk memantau keberkesanan pelaksanaan tindakan dalam usaha menjamin pertumbuhan ekonomi yang dinamik dan berterusan. Agensi pelaksana dan memantau selaku pembekal data kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia untuk tujuan proses pemantauan.

Strategi	Indikator
PERTUMBUHAN BANDAR YANG SEIMBANG	
PD1.1 Memperkuuhkan Kawasan Pertumbuhan	- Kadar pertumbuhan KDNK koridor wilayah - Pembahagian peratus KDNK koridor wilayah kepada negara - Jumlah pekerjaan yang dijana
PD1.2 Mempertingkatkan Daya Saing Bandar	- Kedudukan bandar-bandar utama di Malaysia dalam indeks prestasi dunia - Tahap kemampanan ekonomi (berdasarkan Indikator MurniNet)
PD1.3 Memperkuuhkan Sektor Perkhidmatan	- Prestasi sektor perkhidmatan melalui pertumbuhan KDNK - Pembahagian peratus KDNK sektor perkhidmatan kepada KDNK negara
PD1.4 Memperkuuhkan Kluster Perindustrian	- Prestasi sektor perindustrian melalui pertumbuhan KDNK - Pembahagian peratus KDNK sektor perindustrian kepada KDNK negara
PD1.5 Memperkuuhkan Pelabuhan Pintu Masuk dan Industri Logistik	- Kedudukan di peringkat dunia (<i>World Airport Rankings</i> dan <i>World Port Rankings</i>) - Sumbangan peratusan dalam GNI / KDNK
PD1.6 Meningkatkan Pembangunan Modal Insan dan Pengetahuan Intensif	- Peratusan pekerja yang mahir dan berintensif pengetahuan dalam jumlah tenaga kerja - Peratusan penajaan dari industri untuk penyelidikan, biasiswa pembelajaran serta mengkomersilkan output R&D dari universiti - Peratusan pekerjaan memerlukan kemahiran yang berkaitan dengan TVET
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR YANG BERSEPADU	
PD2.1 Memanfaatkan Sumber Tempatan	- Sumbangan kepada Pendapatan Kasar Negara (GNI) - Jumlah peluang pekerjaan yang dijana di luar bandar - Peningkatan pendapatan isi rumah di luar bandar
PD2.2 Meningkatkan Aktiviti Rantaian Nilai bagi Ekonomi Berasaskan Pertanian	- Nilai eksport sektor pertanian - Sumbangan sektor pertanian dalam KDNK
PD2.3 Mempertingkatkan Infrastruktur Asas dan Kemudahan Luar Bandar	- Peratus liputan petempatan desa / kampung dalam lingkungan kemudahan luar bandar - Peratusan peningkatan jalan berturap di kawasan luar bandar
HUBUNGAN DAN AKSES YANG DIPERTINGKATKAN	
PD3.1 Membangunkan Rangkaian dan Perhubungan Pengangkutan Jalan Raya	- Indeks pembangunan jalan (peringkat nasional dan negeri) - Peratusan penduduk negeri yang menikmati dua (2) jam masa perjalanan daripada ibu negeri
PD3.2 Membangunkan Sistem Rangkaian Kereta Api yang Komprehensif	- Tahap peringkat projek pelaksanaan (perancangan, pembinaan dan dalam operasi) - Kadar peningkatan jumlah penumpang kereta api - Modal split
PD3.3 Mempertingkatkan Perkhidmatan Pengangkutan Air	- Kadar peningkatan / penurunan penumpang teksi air / feri - Jumlah kekerapan (terminal teksi air / feri)
PD3.4 Meningkatkan Perhubungan Udara Serantau dan Tempatan	Kadar peningkatan / penurunan jumlah penumpang perkhidmatan udara (domestik dan serantau)
PD3.5 Mengembangkan dan Meningkatkan Infrastruktur Digital	Kesamarataan kawasan liputan digital